



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Bharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Ramli bin Shaiai
Encik Mohd. Redzuan bin Adam
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi
Encik Ahmad Hafizan Yusof
Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Encik Hairudin bin Omar

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada 24 November 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 24 November hingga 28 November dan 01 Disember hingga 05 Disember 2014 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada **08** hari bulan **Oktober** 2014

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Y.B. Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi di dalam Mesyuarat Ketiga dewan yang mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Negeri

Selangor yang Ketiga belas. Saya juga mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan Y.B Tuan Speaker Dewan Negeri Pulau Pinang Dato Liew Chou Kiang dan Y.B. Macang Bubuk, Y.B. Lee Khai Loon dan Y.B. Bukit Tengah Y.B. Ong Chin Wen Ahli Dewan Negeri Bukit Tengah dari Pulau Pinang. Selamat Datang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pentadbiran baru Yang Berhormat yang dipimpin oleh Y.B. Dato Menteri Besar Tuan Mohamed Azmin bin Ali syabas dan tahniah saya ucapkan. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pentadbiran lama yang dipimpin oleh Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim dan mantan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atas segala usaha dan jasa beliau ke Negeri Selangor. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

III. LANTIKAN TIMBALAN SPEAKER:

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan Mesyuarat Ketiga memilih Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jawatan bagi Timbalan Speaker adalah kosong memandangkan Y.B. Seri Setia telah dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 September 2014 yang lalu. Menurut Fasal (2A) perkara LXXI (71) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker. Peraturan memilih Timbalan Speaker adalah mengikut Peraturan Tetap 5(A) (1) dan (2) Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya telah menerima dua pencalonan bagi Timbalan Speaker. Saya menjemput Yang Berhormat Chempaka untuk mengemukakan cadangan.

Y.B. TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD: *Bismillahir rahmannir rahim*, Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin mencadangkan supaya Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi iaitu Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah dipilih menjadi sebagai Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyokong cadangan tersebut.

TUAN SPEAKER: Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Kembangan untuk mengemukakan cadangannya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin mencadangkan supaya Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan iaitu Y.B. Tuan Ng Suee Lim dipilih menjadi Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyokong cadangan tersebut.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kedua-dua calon telah disokong dan menurut Peraturan Tetap 4 (3), jika lebih daripada seorang ahli dicadangkan dan disokong sebagai Timbalan Speaker. Maka Dewan hendaklah menjalankan dengan undi sulit. Bentara.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, boleh saya mohon bercakap sedikit.

TUAN SPEAKER: Tidak boleh Sungai Burong pemilihan Timbalan Speaker tengah berjalan saya minta Sungai Burong tolong duduk.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Sebab kita pun fasal pemilihan ini sebab kalau boleh ada dua pemilihan jadi kita ADUN-ADUN BN berpakat berkecuali, kita tidak menjalankan pengundian walaupun dia sulit.

TUAN SPEAKER: Terpulang kepada ADUN-ADUN Barisan Nasional siapa yang hendak mengundi ya. Dengan ini Bentara tolong bersedia, dengan ini Bentara akan mengedarkan kertas undi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dikehendaki memilih salah seorang dari dua nama yang telah dicalonkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dipohon melipat semula kertas undi tersebut.

Undi sulit ya tidak payah bincang semua. Bentara diminta mengutip semula kertas undi yang telah diedarkan dan menyerahkannya kepada Setiausaha Dewan untuk pengiraan undi. Setiausaha Dewan silakan dengan pengiraan undi.

(Undian dan Pengiraan undi dijalankan)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya telah menerima keputusan undi bagi memilih Timbalan Speaker. ADUN Kawasan Bangi 28, ADUN Kawasan Sekinchan 14. Menurut Fasal 2(A) Perkara 71 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 dan Peraturan-peraturan Tetap 5A (1) dan (2), bagi Dewan Negeri Selangor dengan ini saya sukacita masyhurkan Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah ADUN Bangi dipilih sebagai Timbalan Speaker. Sebelum Aturan Mesyuarat diteruskan Peraturan Tetap 4(7) peti undi hendaklah dimaterikan di hadapan Dewan dan Peti Undi perlu disimpan oleh Tuan Speaker selama sebulan Takwim Inggeris. Setelah cukup sebulan kertas-kertas undi tersebut perlu dibakar dan Setiausaha Dewan perlu memperakui kepada Dewan mengatakan kertas-kertas itu telah dibakar. Silakan Setiausaha Dewan.

(Timbalan Speaker Mengangkat Sumpah Dan Menandatangani Surat Sumpah)

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya. Timbalan Speaker mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah.

TUAN SPEAKER: Dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bangi bagi mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Timbalan Speaker.

Y.B TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: *Bismillahir rahmanir rahim.* Maka dengan lafaz ini saya Mohd Shafie Bin Ngah yang telah dipilih menjadi Timbalan Speaker Negeri Selangor dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai Timbalan Speaker Negeri Selangor dengan sedaya upaya saya dan saya akan menumpahkan taat dan setia yang sepenuhnya kepada Negeri Selangor dan saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor. Kepada Allah saya berserah.

TUAN SPEAKER: Saya menjemput Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

IV. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2014
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2015
 - Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2014
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2014
 - Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2014
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2014
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2015 Dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2015 Kerajaan Negeri Selangor
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2014
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2014
 - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2014
 - Sijil Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 Dua Belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
 - 1) Majlis Bandar Raya Shah Alam
 - 2) Majlis Bandar Raya Petaling Jaya
 - 3) Majlis Perbandaran Klang
 - 4) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - 5) Majlis Perbandaran Subang Jaya
 - 6) Majlis Perbandaran Selayang
 - 7) Majlis Perbandaran Kajang
 - 8) Majlis Perbandaran Sepang
 - 9) Majlis Daerah Kuala Selangor
 - 10) Majlis Daerah Hulu Selangor
 - 11) Majlis Daerah Kuala Langat
 - 12) Majlis Daerah Sabak Bernam

- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2014
 - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2014
 - Penyata Kewangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2014
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2013 Siri 2 dan 3

- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2014
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2013

- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2014
 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2013
- 12) Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2014
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2014
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2014
 - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2013
- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2014
 - Laporan Tahunan 2013 Tabung Amanah Bencana Alam
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung "Isu Kualiti Air Lombong Untuk Kegunaan Rakyat Selangor".
- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Golongan Gelandangan
- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2014
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program Pemberian Baucar Perayaan *Jom Shopping*

- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Dasar Perumahan Dalam Konteks Pembasmian Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Negeri Selangor
- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan MSNS Holdings Sdn. Bhd (MSNSH)
- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)
- 22) Kertas Mesyuarat Bilangan 42 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Cadangan Penstrukturan Semula Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
- 23) Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGCB)
- 24) Kertas Mesyuarat Bilangan 44 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pindaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 (RTMPSJ 2020)
- 25) Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor - Susulan Daripada Lawatan Ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

- 26) Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor - Susulan Daripada Lawatan Ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
- 27) Kertas Mesyuarat Bilangan 47 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pejabat Daerah Dan Tanah ("PDT") Gombak
- 28) Kertas Mesyuarat Bilangan 48 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Ke Pejabat Daerah Dan Tanah ("PDT") Hulu Langat
- 29) Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2014
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pejabat Daerah Dan Tanah ("PDT") Daerah Petaling
- 30) Kertas Mesyuarat Bilangan 50 Tahun 2014
- Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor
- 31) Kertas Mesyuarat Bilangan 51 Tahun 2014
- Laporan Tahunan 2013 Tabung Warisan Negeri Selangor
- 32) Kertas Mesyuarat Bilangan 52 Tahun 2014
- Anggaran Perbelanjaan 2015 & Senarai Perjawatan Selangor 2015
- 33) Kertas Mesyuarat Bilangan 53 Tahun 2014
- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2013
- 34) Kertas Mesyuarat Bilangan 54 Tahun 2014
- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

V. PERTANYAAN-PERTANYAAN:

Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Peraturan Tetap 24 (2), saya mohon mengambil soalan ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya benarkan. Silakan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(KAJANG)**

TAJUK: MARRIS DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan meningkatkan peruntukan MARRIS untuk projek turapan jalan dan saluran air.
 - (b) Sila nyatakan langkah Kerajaan negeri untuk memastikan kualiti projek di bawah MARRIS yang mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk meluaskan skop peruntukan MARRIS.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Amat Berhormat Tuan Speaker. Saya pohon keizinan Tuan Speaker menjawab soalan Yang Berhormat Kajang bersekali dengan soalan nombor 190, 224, 242, 264, 300 dan 352 kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- (a) Berapakah peruntukan MARRIS bagi daerah Sabak Bernam pada tahun 2014?
 - (b) Berapakah peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan pada tahun 2014?
 - (c) Berapakah pula jumlah peruntukan MARRIS untuk DUN Sungai Air Tawar dan DUN Sabak yang terlaksana tahun 2014?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS UNTUK 2014

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- (a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2014?
 - (b) Berapakah yang telah dibelanja untuk kerja penyelenggaraan dari Januari 2014 hingga sekarang?
 - (c) Apakah peratus perbelanjaan? Sila jelaskan prestasi perbelanjaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

**TAJUK : PERUNTUKAN SISTEM MAKLUMAT JALAN RAYA MALAYSIA
(MARRIS)**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- (a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS dari 2008 hingga 2014 mengikut tahun?

- (b) Berapakah peruntukan MARRIS yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dari 2008 hingga 2014 mengikut tahun?
- (c) Senaraikan projek yang telah dilaksanakan dari 2008-2014 mengikut PBT?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Senaraikan jumlah peruntukan MARRIS kepada agensi-agensi pelaksana pada tahun 2014.
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan-jalan yang tidak diluluskan oleh UPEN di bawah MARRIS seperti kawasan FELDA dan jalan yang belum kenal pasti siapakah agensi pelaksana disebabkan pemaju gulung tikar?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS TERKUMPUL

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah jumlah dana terkumpul peruntukan MARRIS yang tidak dibelanja oleh Kerajaan Negeri?
- (b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya dapat menggunakan wang MARRIS dengan lebih efektif?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PERUNTUKAN RIZAB TUNAI MELALUI GERAN SISTEM MAKLUMAT
REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)**

352. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS bagi tahun 2014 yang diterima oleh Kerajaan negeri untuk membaik pulih dan menyelenggara prasarana bawah PBT Negeri Selangor?
- (b) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS bagi tahun 2014 untuk membaik pulih dan menyelenggara prasarana di DUN Semenyih?

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada masa kini Kerajaan Negeri sedang mengkaji dasar pengagihan peruntukan di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor atau MARRIS bagi tahun 2015. Fokus akan diberikan kepada penyelenggaraan jalan dan longkang di tepi jalan yang dibenarkan oleh Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang komprehensif seperti berikut:-

1. Memastikan semua Jabatan dan Agensi Pelaksana memahami keperluan sebenar dalam membuat permohonan pelaksanaan kerja-kerja di bawah MARRIS yang selari dengan Garis Panduan Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan.
2. Memastikan semua jabatan dan agensi pelaksana mengemas kini data dalam sistem MARRIS *Online* untuk semua jalan di bawah seliaan Jabatan dan Agensi Pelaksana.
3. Membuat semakan ke atas jalan-jalan yang berdaftar dan tidak berdaftar.
4. Mengemas kini rekod perubahan jalan (fokus kepada semakan taraf jalan kerana ia memberi kesan kepada per kilometer jalan yang didaftarkan).
5. Memastikan Agensi Pelaksana menyediakan perancangan awal untuk suku tahun pertama.
6. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan-permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS berdasarkan kepada keperluan tambahan.
7. Penambahbaikan ke atas tatacara Pengurusan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri ini dibuat dari masa ke semasa mengikut kesesuaian di pihak Kerajaan Negeri.

Soalan yang kedua, Kerajaan Negeri sentiasa berpandukan kepada Garis Panduan Tatacara Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri seperti tertakluk kepada perenggan 11, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan

Jalan Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk meningkatkan peruntukan MARRIS tertakluk kepada keupayaan agensi pelaksana manakala kelulusan peruntukan selain daripada jalan dan longkang akan dipertimbang mengikut permohonan atau *case by case basis*.

Akhirnya Tuan Speaker, sukacita saya memaklumkan bahawa bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri dijangka akan mendapat sejumlah RM600 juta dari peruntukan MARRIS. Maka Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membelanjakan sejumlah RM600 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang dibenarkan seperti Garis Panduan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri MARRIS dan perlu dilaksanakan sepenuhnya dengan efisien dan bertanggungjawab. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Salah satu daripada keupayaan untuk melaksanakan projek-projek MARRIS adalah bergantung pada keupayaan agensi berkenaan. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah sebut tadi bahawa ia bergantung pada keupayaan ini dan tahun ini kita difahamkan bahawa perbelanjaan MARRIS ini mungkin tidak dapat dibelanjakan. Tahun depan Yang Amat Berhormat sebut nak tambah lagi RM600 juta....

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalannya ialah, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan keupayaan agensi ini, berupaya sepenuhnya untuk melaksanakan projek-projek supaya tidak ada *short-fall*. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Pertama, seperti yang telah dijelaskan sebentar tadi, Agensi Pelaksana perlu mengenal pasti projek-projek, khususnya jalan-jalan yang perlu diturap pada peringkat awal supaya kerja-kerja penawaran tender ini dapat dibuat pada awal tahun sebelum dilaksanakan kerja-kerja tersebut. Yang kedua, kita juga mengambil maklum tentang kualiti setelah kerja-kerja ini dijalankan. Maka baru-baru ini Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengadakan satu program latihan bagi semua Jurutera-jurutera bagi semua PBT yang akan dianjurkan oleh IKRAM supaya mereka diberikan latihan dan kemahiran bagi pengendalian bagi kerja-kerja yang termaktub dalam skop MARRIS ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan tadi. Seperti mana yang kita maklum juga, peruntukan MARRIS untuk yang disalurkan ke Kerajaan Negeri melalui, yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berjumlah RM498 juta dan tahun 2014 berjumlah RM523 juta. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adakah kesemua peruntukan MARRIS ini sudah habis dibelanjakan dan yang keduanya soalan saya adakah...

TUAN SPEAKER: Satu sahaja soalan tambahan saya benarkan Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Ia berkait rapat.

TUAN SPEAKER: Satu sahaja Dengkil. Silakan.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat Dengkil, saya mengambil maklum bahawa peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri belum digunakan sepenuhnya dan tidak dioptimumkan kerana beberapa perkara yang turut dibangkitkan sebentar tadi ketidakupayaan si agen pelaksana bagi memenuhi kerja-kerja yang dipohon. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil untuk memastikan pangkalan data yang ada di setiap PBT itu dapat dikenal pasti lebih awal lagi supaya kita dapat merancang daripada awal tahun kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dan tidak dibuat pada saat-saat akhir. Walau bagaimanapun bagi tahun 2014 oleh sebab ada sedikit lebihan daripada peruntukan tersebut setelah mendengar rungutan daripada pihak awam tentang kerja-kerja penyenggaraan jalan yang perlu diselesaikan, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM32.1 juta bagi maksud kerja-kerja yang akan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan yang terakhir tahun 2014.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Berapakah peruntukan MARRIS yang terkumpul sehingga sekarang di yang di rizab kami. Apakah langkah disiplin yang diambil oleh Kerajaan Negeri jika pada tahun depan apabila Agensi Pelaksana tidak dapat membelanjakan RM600 juta peruntukan MARRIS.

TUAN SPEAKER: ADUN-ADUN semua, satu sahaja soalan tambahan ya, satu sahaja.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama. Kita mengambil maklum tentang keprihatinan Yang Berhormat berhubung tindakan yang perlu diambil terhadap Agensi Pelaksana sekiranya mereka gagal melaksanakan tugas-tugas yang termaktub di dalam skop MARRIS sebab itu langkah kerajaan adalah memastikan kerja-kerja ini dapat disenaraikan lebih awal dan bagi tahun 2015, kita juga telah meminta pihak PBT untuk

memasukkan juga dan memberi perhatian pada kerja-kerja penyenggaraan jalan-jalan industri yang sering tertinggal dan tercicir dalam skop kerja yang dijalankan oleh PBT. Ini oleh sebab Kerajaan Negeri mendapat beberapa maklum balas daripada pihak industri dan pelabur yang menyatakan kawasan industri di beberapa tempat itu tidak dapat disenggarakan dengan baik dan Kerajaan Negeri akan memantau berdasarkan tugas yang telah diberikan kepada pihak PBT. Berhubung jumlah tunggakan peruntukan MARRIS, oleh sebab ia secara spesifik, tidak mempunyai angka, bagi tahun 2014, kita mempunyai lebihan dan seperti yang saya nyatakan tadi, atas lebihan ini kita telah memperuntukkan sebanyak RM32.1 juta bagi tempoh satu bulan yang terakhir bagi tahun 2014. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan no.2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENERBITAN AKHBAR SELANGORTIMES

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- (a) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap permintaan menerbitkan semula Akhbar SelangorTimes?
 - (b) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap permintaan menerbitkan semula Akhbar SelangorTimes?
 - (c) Sila nyatakan sejauh manakah keberkesanan sebaran maklumat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan yang bertanyakan tentang perancangan Kerajaan terhadap permintaan untuk menerbitkan semula Akhbar SelangorTimes. Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Sekinchan bahawa Kerajaan mengambil maklum tentang penerbitan Akhbar SelangorTimes yang telah mendapat sambutan yang cukup baik di kalangan masyarakat khususnya yang berada di kawasan perbandaran. Walau bagaimanapun, pada ketika ini Kerajaan sedang dalam proses untuk menyusun semula struktur CCSB dan juga peranan yang akan dimainkan oleh media yang dimiliki oleh Kerajaan (CCSB) termasuk beberapa program-program yang telah kita aturkan sebelum ini. Pada prinsipnya Kerajaan Negeri bersetuju untuk melihat keperluan-keperluan penerbitan semula Akhbar SelangorTimes yang pada asalnya satu inisiatif swasta dan mendapat dukungan Kerajaan Negeri dan setelah selesai

penstrukturan semula CCSB ini kita akan memberikan perhatian bagi penerbitan semula Akhbar SelangorTimes. Berhubung soalan yang kedua tentang langkah-langkah dan keberkesanan sebaran maklumat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, selain daripada menggunakan agensi Kerajaan Negeri iaitu Communication Corporation Sdn. Bhd (CCSB), kita juga menggunakan melalui percetakan dan penerbitan seperti Selangor Kini dan juga TV Selangor dan kita juga mendapat kerjasama daripada pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk menyampaikan dasar dan maklumat serta program Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi. Peranan ini juga dikongsi oleh Jawatankuasa Masjid dan Surau dan sudah tentu lah peranan Ahli Dewan Negeri dan juga Penyelaras DUN dan Ahli Majlis perlu dipertingkatkan supaya dasar dan program Kerajaan Negeri ini dapat dikongsi bersama rakyat di peringkat bawah. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta sedikit lagi penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai penerbitan SelangorTimes. Saya nak minta kalau boleh dibagikan satu tempoh bilakah agaknya *date line* untuk diterbitkan. Yang kedua, berapa peruntukan yang bakal disalurkan, yang bakal disalurkan dan yang paling pentingnya Sidang Redaksinya, Sidang Editorinya kita akan memberi kebebasan atau pun dia akan dikongkong kerana kita akan memberi *freedom information*. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Pertama tentang tempoh yang akan dicadangkan oleh kerajaan Negeri untuk diselesaikan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa pengurusan baru MBI akan mengambil alih pada awal bulan Disember 2014 dan salah satu tugas yang telah diberikan kepada pengurusan yang baru ialah untuk melihat keperluan, untuk menstrukturkan semula beberapa anak-anak syarikat di bawah MBI termasuk CCSB dan saya jangka dalam tempoh yang pendek, kurang daripada 3 bulan kita dapat melihat suatu yang baru perancangan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah yang akan diambil termasuk penstrukturkan semula CCSB. Berhubung Sidang Redaksi SelangorTimes, kita sedia maklum bahawa pendirian Pakatan Rakyat kita yakin dan percaya dengan kebebasan media dan saya menaruh sepenuh keyakinan bahawa editorial dan juga pengurusan yang baru yang akan diberikan kepada SelangorTimes akan dapat menjamin prinsip-prinsip ini dan pada masa yang sama akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk menyampaikan maklumat terus kepada rakyat berasaskan kepada fakta dan juga maklumat yang tepat dan bukan bersifat fitnah. Yang ketiga tentang bajet, saya kita boleh pertimbangkan berdasarkan peranan dan juga *term of reference* yang ditentukan dalam pembentukan dan penerbitan semula Akhbar SelangorTimes ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : UNISEL

3. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-
- (a) Bagaimanakah sumber dana Tabung Biasiswa Anak Selangor diperoleh dan manfaatnya kepada UNISEL?
 - (b) Terbelakah nasib pelajar terpaksa berhenti disebabkan kewangan dengan wujudnya tabung ini?
 - (c) Pengurusan bangunan asrama, siapakah yang dilantik dan apakah terma syarat-syarat?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker terima kasih kepada Yang Berhormat Meru tentang Tabung Biasiswa Anak Selangor ini merupakan satu pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Dato Menteri Besar sewaktu konvokesyen di UNISEL baru-baru ini. Ini ada peruntukkan sebanyak RM10 juta pelajar-pelajar UNISEL dan KUIS satu tabung biasiswa khusus. Seterusnya ada juga tabung sara diri khas untuk UNISEL dan KUIS berjumlah RM12 juta. Ini untuk pelajar-pelajar yang menunggu pembiayaan daripada Tabung PTPTN, pinjaman-pinjaman lain dan memerlukan satu pembiayaan dalam tempoh untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Jadi ini merupakan dua inisiatif yang baru diumumkan dan dengan adanya kedua-dua tabung ini kita mengharapkan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang ada di UNISEL dan KUIS khususnya sebagai institusi pengajian negeri akan dapat diatasi. Tentang pengurusan bangunan asrama, pengurusan bangunan asrama dikendalikan oleh UNISEL di bawah Kolej kediaman UNISEL kampus UNISEL Bestari Jaya. UNISEL melantik Encik Muhammad bin Hashim sebagai Pengetua Kolej. Beliau berjawatan Pensyarah Kanan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Lantikan Pengetua Kolej adalah secara '*multi tasking*' dan secara kontrak sepanjang 2 tahun. Beliau dibantu oleh Timbalan Pengetua dan Penolong Pengurus secara sepenuh masa.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Tuan Speaker soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PROGRAM BANTUAN NELAYAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada nelayan yang berpendapatan rendah & apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan?
 - b) Nyatakan jumlah nelayan yang berpendapatan rendah yang telah menerima bantuan ini setakat hari ini mengikut kawasan?

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Tuan Speaker terima kasih kepada Sungai Burong berkenaan dengan jumlah bantuan disalurkan kepada nelayan dan juga jumlah nelayan yang berpendapatan rendah yang telah menerima bantuan ini. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Perikanan untuk membantu nelayan. Jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun 2012 sebanyak RM141,250 dan tahun 2013 sebanyak RM196,900 dan tahun 2014 sehingga November sebanyak RM531,000. Peruntukan yang disalurkan adalah bagi bantuan peralatan menangkap ikan, sampan, enjin sangkut serta alatan keselamatan kepada nelayan.

Nelayan yang dikategorikan berpendapatan rendah adalah kebanyakannya terdiri daripada nelayan pantai atau tradisional dan juga bekerja sebagai kru atau awak-awak di atas bot menangkap ikan komersil. Bilangan nelayan tersebut yang telah menerima bantuan adalah seperti berikut:-

Tahun	Kawasan	Bilangan Penerima	Jenis Bantuan
2012	Kuala Langat	19	Jaring, Sampan, enjin Sangkut
2013	Kuala Selangor	17	Enjin Sangkut
2014	Kuala Selangor	7	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut, alatan keselamatan
	Sabak Bernam	522	
	Kuala Langat	23	

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Oleh kerana kebanyakannya nelayan pantai dan tradisional ini bergantung kepada laut jadi dia tidak menentu, pendapatannya tidak menentu. Kerajaan Barisan Nasional ada bagi pendapatan tetap setiap bulan RM200.00 kepada nelayan ini. Cuma kita nak tanya kepada Kerajaan Negeri adakah daripada segi meningkatkan sumber pendapatan supaya dalam musim-musim laut bergelora ini mereka ini dapat pendapatan yang tetap. Apakah langkah-langkah yang dibuat Kerajaan Negeri untuk pastikan nelayan-nelayan ini dapat meningkatkan sumber pendapatan ekonomi selain daripada nelayan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Terima kasih. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor memberikan bantuan-bantuan atas permintaan daripada nelayan jadi untuk cadangan-cadangan yang lain diperhalusi dan dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker soalan nombor 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(SERI ANDALAS)**

TAJUK: PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah dasar kerajaan dalam melaksanakan pemutihan kilang-kilang haram?
 - b) Perlu ada sedikit kelonggaran dalam usaha untuk memutihkan kilang-kilang haram yang telah beroperasi sekian lama, tetapi mengapa peraturannya tetap sama seperti permohonan Kebenaran Merancang yang baru?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker terima kasih kepada Seri Andalas Kerajaan Negeri Selangor telah pun melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran semenjak tahun 2006 bagi memberi peluang kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang memohon dan memulihkan status tanah, status pembangunan untuk kilang-kilang tersebut. Secara prinsipnya Kerajaan Negeri Selangor amat mengharapkan penyertaan pemilik tanah dan pengusaha kilang terbabit menyertai program ini sebelum sesuatu tindakan susulan dirangka dan dilaksanakan. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini telah pun memberi kelonggaran terhadap syarat-syarat di dalam menukar kategori dan syarat tanah dan antara kelonggaran yang diberikan dalam program ini adalah seperti berikut:

- i) Pemilik tanah dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Dikecualikan daripada dikenakan premium khas.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga telah melonggarkan syarat-syarat teknikal PBT dan agensi yang berkaitan seperti di dalam Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran. Garis panduan ini memberi syarat minimum yang sepatutnya dikenakan semasa proses kebenaran merancang yang biasa. Antaranya pengurangan anjakan bangunan, tapak parking dan lain-lain kelonggaran. Sekian.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, saya nak Tanya kalau SOP Negeri Selangor tentang pemutihan kilang-kilang ini sudah sedia ada dan sudah sedia diberi kepada PBT-PBT di dalam Negeri Selangor.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Seri Andalas dasar dan juga polisi dan juga SOP telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semua PBT perlu mengikut dasar Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker sepanjang kilang-kilang ini berstatus haram apakah Kerajaan Negeri mendapat apa-apa manfaat sumbangan daripada kilang-kilang haram ini sebelum dia diputihkan sama ada dalam bentuk bayar cukai. Jadi saya nak tahu apakah manfaat yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sepanjang dia berstatus haram terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Permatang PBT boleh mengenakan lesen sementara lesen peniaga sementara kepada kilang tersebut mendapat hasil daripada kilang-kilang tersebut ini yang boleh kita boleh dapatkan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri ada satu *dateline* dengan izin untuk pemutihan ini sebab saya difahamkan banyak kali sebab *dateline* tersebut dipanjangkan dan kita nampak ada isu timbul bila kilang tidak diputihkan pembangunan sedia ada atas tapak menimbulkan banyak isu terhadap komuniti tempatan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Rawang, kilang yang tidak berada di tempat yang sesuai zon yang tidak sesuai diputihkan oleh PBT dan PBT akan mengambil tindakan ke atas mereka. Pada masa sekarang Kerajaan Negeri masih akan meneruskan program tersebut kepada pekilang-pekilang untuk menghalalkan kilang mereka.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN B. OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker saya, kita mengalu-alukan proses pemutihan ini. Cuma persoalan saya di tempat saya di BRP 7/1 ada orang yang menyalahgunakan tanah dikelilingi oleh perumahan banyak adakah kita nak putihkan kawasan kilang yang duduk di tengah-tengah komuniti ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kilang yang berada di kawasan zon perumahan tidak akan diputihkan kerana tidak sesuai dan juga minta bantuan daripada wakil rakyat supaya PBT macam mana kita nak Bantu penduduk dan menyelesaikan kilang.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: KEJADIAN TANAH RUNTUH DI APARTMEN TERATAI BUKIT
BERUNTUNG**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah punca-punca yang menyebabkan kejadian tanah runtuh di Apartmen Teratai Bukit Beruntung berlaku?
 - b) Adakah unit cerun pihak MDHS atau JKR mengetahui masalah pergerakan tanah sebelum kejadian berlaku?
 - c) Senaraikan jumlah kos kerja-kerja pembaikan cerun yang terlibat selepas kejadian berlaku.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN. A. SAMAD: Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Yang Berhormat kejadian pergerakan tanah di lokasi berkenaan adalah

disifatkan sebagai suatu keadaan cerun yang telah mulai gagal tetapi belum menyebabkan runtuh sepenuhnya. Punca sebenar pergerakan tersebut masih dalam siasatan dan pemantauan berterusan pihak pakar cerun iaitu Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) JKR namun berdasarkan kejadian di peringkat awal yang dilaporkan, berkemungkinan ia disebabkan beberapa siri hujan lebat yang telah melanda kawasan berkenaan beberapa hari sebelum hari kejadian. Berdasarkan pemerhatian pihak Majlis Daerah Hulu Selangor di lokasi, rekahan tanah telah berlaku di sebahagian cerun (bahagian atas) berkemungkinan telah wujud sebelum ini tanpa disedari kerana ditutupi dengan pokok-pokok besar. Air larian permukaan telah memasuki rekahan-rekahan tersebut menyebabkan kandungan air dalam tanah bertambah sehingga memberi tekanan tinggi pada cerun dan ianya menjadi tidak stabil.

Berlaku geluncuran tanah di beberapa bahagian cerun apabila tanah yang berat dengan kandungan air mulai longgar dan bergerak turun dan menghimpit longkang-longkang di kaki cerun serta menolak dinding penahan yang diperbuat daripada jenis 'key stone wall'. Tekanan tanah ini telah merosakkan dinding 'key stone wall' sehingga berubah dari kedudukan asal di mana dinding-dinding ini telah dibina oleh Pemaju pada tahun 2009 selepas berlaku runtuh kecil.

Untuk persoalan sama ada pihak JKR atau Majlis tahu atau tidak, pihak Majlis Daerah Hulu Selangor tidak mengetahui dan tidak menerima apa laporan rasmi berkaitan ancaman tanah runtuh di kawasan berkenaan sebelum kejadian kerana kawasan tersebut masih di selenggara oleh pihak Pemaju yang bertindak sebagai Management Corporation atau MC untuk mengurus kawasan blok apartmen yang masih belum memiliki strata *title*.

Persoalan tentang kos yang dibelanjakan untuk membaiki cerun tersebut, jumlah kos kerja-kerja pembaikan sementara dan sambilan cerun adalah menggunakan *shade file* dengan kos sebanyak RM485,000 terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tuan Speaker saya nak Tanya sama ada sebarang denda dikenakan pemaju daripada jawapan kita tahu gagal menyelenggarakan cerun tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN. A. SAMAD: Setakat ini belum lagi tetapi saya maklumkan bahawa kita sedang terus memantau dan menyiasat dan akan dan keadaan di situ dan ianya bergantung penyiasatan dan pemantauan berterusan dan siasatan yang muktamad.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri memandangkan isu ini serius dan ianya telah berlaku sekian lama adakah Yang Berhormat dapat memberikan satu rumusan kepada Dewan yang mulia ini. Bila boleh siasatan ini boleh dilengkapkan dan adakah boleh dapatkan satu anggaran masa sekian.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN. A. SAMAD: Penyiasatan untuk cerun ini saya rasa perkara ini kita memanglah kita perlu ada satu masa tetapi ia juga bergantung kepada beberapa keadaan hujan dan sebagainya. Kita mesti terus memantau, terus menyiasat sehingga sampai kesuatu masa kita puas hati bahawa tidak ada lagi perkara-perkara yang merubah pada di kawasan tapak. Tetapi saya bersetuju bahawa ianya merupakan satu perkara perlu kita ambil perhatian dan ini juga melibatkan kawasan-kawasan yang di takbir oleh GMB dan di takbir oleh pihak MC. Jadi bermakna bahawa di dalam kawasan-kawasan tersebut Kerajaan Negeri selepas ini hanya boleh bergantung pemantauan yang dilakukan oleh pihak GMB dan MC tetapi pihak PBT sendiri perlu turun dan melihat kawasan-kawasan yang berpotensi untuk runtuh ataupun untuk gagal. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker soalan nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN BOLASEPAK SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah sebab sejak 2005 pasukan bola sepak Selangor gagal menjadi juara Piala Malaysia?
 - b) Apakah rancangan kerajaan melalui FAS untuk membangunkan semula pasukan bola sepak Selangor?
 - c) Apakah program-program yang akan dilaksanakan dan berapakah dana yang diperuntukkan bagi tujuan ini?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker dan Hulu Kelang saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 86 yang ditanyakan oleh Sungai Pelek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: FAS (FOOTBALL ASSOCIATION SELANGOR)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan dan peranan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengembalikan zaman kegemilangan Pasukan Selangor pada musim akan datang?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya rasa soalan Hulu Kelang ini mewakili ratusan ribu penyokong Selangor dan daripada laporan yang diterima daripada pihak persatuan bola sepak dan pemerhatian yang dibuat oleh Majlis Sukan Negeri ada beberapa aspek-aspek yang harus kita teliti jatuhnya dan kurang pencapaian kurang memberangsangkan pasukan bola sepak Negeri Selangor. Pertama dari aspek dalaman daripada melibatkan dari pengurusan pasukan, jurulatih, pemilihan pemain dan pelbagai faktor lain melibatkan persiapan pasukan. Faktor kedua ialah melibatkan daripada faktor luaran iaitu kesiap sediaan dan persiapan pasukan yang lain yang sedang meningkat naik di Johor Darul Takzim, FELDA dan Polis Di Raja Malaysia.

Saya ingin membawa sedikit fakta bahawa pada tahun lepas Kerajaan Negeri membanjiri lebih kurang RM7.5 juta kepada pasukan bola sepak Negeri Selangor. Namun pasukan-pasukan yang saya sebut tadi seperti JDT lebih berbelanja lebih daripada RM30 atau RM40 juta untuk persiapan untuk sukan. Jadi namun begitu wang bukanlah segala-galanya kerana akhirnya contohnya pasukan Pahang yang berbelanja kurang daripada pasukan JDT juga menjadi johan Piala Malaysia.

Jadi semua aspek ini harus diambil nilai oleh pasukan bola sepak negeri. Khusus dikendalikan oleh pasukan bola sepak Negeri Selangor.

Soalan kedua. Saya rasa membetulkan sedikit terma bangunkan semula pasukan bola sepak Selangor. Bagi saya pencapaian bola sepak negeri Selangor tidak lah begitu buruk sebab dalam penggal yang ini 2014 ataupun musim 2014 pasukan bola sepak Negeri Selangor di tempat kedua. Daripada jumlah keseluruhan jumlah liga Piala Super Liga. Hanya gagal untuk meletakkan misi ke-33 tertunggak lebih daripada 9. Justeru Pihak Bola Sepak Negeri Selangor berusaha untuk mengukuhkan program pembangunan peringkat akar umbi program-program

pembangunan setiap daerah dan juga program pembangunan di peringkat negeri khususnya apabila kita mampu melengkapkan kompleks FAS di Puncak Perdana dalam masa terdekat ini. Selain itu Pihak FAS Juga akan melaksanakan kejohanan-kejohanan yang melibatkan peringkat umur antaranya piala Raja Muda di bawah 12 tahun. Piala Mokhtar Dahari yang baru dilancar dan dilaksanakan baru-baru ini di bawah 18 tahun dan Pihak Majlis Sukan Negeri baru-baru ini melaksanakan piala Menteri Besar di bawah 16 tahun. Jadi semua peringkat-peringkat ini dapat dilaksanakan namun pada peringkat awal ianya hanya dilaksanakan di Daerah Petaling dan *insya-Allah* melalui program pembangunan lebih menyeluruh kita akan melaksanakan semua daerah menyeluruh dan memastikan pembangunan atlet-atlet daripada sukan bola sepak ini dapat kita perkukuhkan dan pertingkatkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Ahli Majlis EXCO. Isu yang ditimbulkan adalah mencungkil bakat anak muda dari akar umbi. Pada hari ini kurang kemudahan padang anak muda pergi ke futsal dan *street soccer* dalam 2 permainan *street soccer* dan Futsal ini berlainan, yang asasnya permainan bola di padang. Tidakkah Pihak Kerajaan Negeri bekerja sama dengan PBT untuk menaikkan taraf memperbaiki padang-padang yang ada di peringkat PBT.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Daripada kaedah pembangunan bola sepak ada beberapa buah negara yakni di Thailand. Kalau kita ambil contoh di Thailand Negara tersebut memulakan program pembangunan untuk atlet mudanya bermula daripada sukan futsal kerana melalui futsal ianya membina skil dan kemahiran yang tinggi kepada pemain-pemain bola sepak. Namun di Malaysia belum pernah terjadi termasuk di Negeri Selangor.

Justeru bagi saya futsal harus kita perkukuhkan kerana ianya mampu membina *skill* namun untuk pasukan atau 9 sebelah untuk padang yang besar itu harus dipertingkatkan. *Insya-Allah* sudah pasti pihak Kerajaan Negeri melalui FAS akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk Pihak Pejabat Tanah Daerah, Persatuan Sukan NGO, orang ramai dan pasukan bola sepak dan saya rasa ini tujuan dan harapan besar iaitu ingin melihat pasukan bola sepak Negeri Selangor kembali menjadi juara dengan label '*red giant*' satu istilah yang menakutkan negeri-negeri lain. Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya hendak bertanya kalau HORAS 600 ini sedang dalam pelaksanaan dan kita tidak tahu bila akan dapat siap sepenuhnya jadi bagaimana kedudukan HORAS 300.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : HORAS

8. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek HORAS
- b) Sejauh manakah kemampuan projek ini untuk memastikan bekalan air yang stabil di Selangor.
- c) Apakah faktor-faktor bagi memastikan kejayaan projek ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker izinkan saya untuk menjawab soalan no. 8 ini bersekali dengan soalan no. 139. terima kasih kepada yang bertanya daripada Permatang dan juga daripada Dengkil. Tuan Speaker pembangunan HORAS. Ini dilaksanakan mengikut 2 fasa.

Fasa 1 pembangunan seperti berikut.

Fasa 1 HORAS 600 dan fasa yang kedua HORAS 3000. HORAS 600 akan dibangunkan dibangunkan kawasan bekas lombong di Kampung Sg. Darah Bestari Jaya Kuala Selangor. Mengikut kajian yang telah dibuat komponen utama yang telah dibuat dan dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan dilaksanakan projek HORAS 600 adalah seperti berikut:

1. Kolam takungan dengan keluasan 166 hektar hingga mencapai ke dalaman 23.5 meter daripada paras tanah bagi tujuan penyambungan kepada *equiper* bawah tanah bagi mendapat kapasiti air dari sejumlah 600 juta liter sehari.
2. Kerja-kerja perlindungan tebing pam takungan menggunakan kaedah geotekstil

3. Kerja-kerja pembaikan perlindungan sungai sejauh 3.8 km bagi tujuan menambah baik aliran sungai dengan kaedah melebar dan mendalamkan Sg. Selangor itu sendiri.
4. Mewujudkan atau membina stesen mengepam air mentah.

Pada ketika ini Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. KSSB untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan kolam takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat dengan kontra penggunaan pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan dibuat oleh KSSB mula sejak 15 Mac 2014 dan akan dijangka siap 30 September 2015 kos pembinaan bagi tujuan-tujuan lain di dalam pembangunan HORAS hanya dapat ditentukan selepas tender bagi pelantikan kontraktor ditamatkan. Kerajaan Negeri Selangor melantik kontraktor-kontraktor bagi pembangunan HORAS melalui kaedah tender terbuka dan dijangkakan tender tersebut akan dikeluarkan pada Januari 2015.

Seterusnya Tuan Speaker, melalui kajian yang dibuat dianggarkan jumlah hasil mentah yang boleh dihasilkan pembangunan HORAS 600 ini adalah sebanyak 500 sehingga 600 juta liter sehari atau *aires*. Penggunaan HORAS 600 masih di peringkat kerja-kerja pengorekan bagi pembinaan kolam takungan. Kerja-kerja pengorekan tersebut telah dibuat oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Sejak 15 Mac 2014. semasa berhadapan dengan krisis bekalan air berikutan penurunan paras empangan Sg. Selangor dan empangan Sg. Tinggi akibat keadaan cuaca yang panas yang luar biasa yang ditambah dengan kadar pengurangan air hujan ketara pada awal tahun 2014. salah satu usaha yang telah dibuat bagi meningkatkan paras empangan ini adalah melalui mengepam air daripada kolam takungan yang ada di Bestari Jaya. Salah satu kolam tersebut di bawah HORAS 600 yang sedang dibuat pengorekan oleh KSSB. Mengikut purata pada ketika ini HORAS 600 yang sedang direka bentuk itu telah pun dapat disumbangkan sebanyak 160 hl.

Tuan Speaker, pembangunan HORAS 600 ini harus diteruskan walaupun projek loji Langat 2 telah beroperasi. Pembangunan HORAS ini boleh dijadikan sebagai simpanan ataupun insurans bagi Kerajaan Negeri Selangor sekiranya berlaku insiden-insiden luar jangka ke atas loji Langat 2 seperti pencemaran dan sebagainya.

Salah satu kajian Selangor Wilayah Persekutuan dan Putra Jaya, *water supplier organization study* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor mendapati beberapa kawasan negeri Selangor seperti Utara Negeri Selangor bagi kawasan Kelang, Pulau Indah dan pembangunan baru seperti ELMINA dan Kwasa Land tidak dimasukkan didalam rangkaian bekalan air di bawah Projek Langat 2. Pembangunan HORAS telah dijadikan sebagai sumber bagi menampung

permintaan kawasan-kawasan yang dimasukkan didalam perancangan Pembangunan Langat 2.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker, kalau HORAS 600 ini sedang dalam pelaksanaan dan bila lagi akan dapat siap sepenuhnya jadi bagaimana dengan persiapan dengan HORAS 3000? Yang juga dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sebab saya pernah bangkitkan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam Dewan ini jaraknya begitu jauh daripada Sg. Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih. Projek HORAS ini mempunyai 3 fasa. Fasa pertama seperti yang saya sebut tadi. Kerja-kerja mengorek menyiapkan takungan konsep HORAS di Kg. Sg. Darah, Bestari Jaya yang telah pun dilaksanakan oleh KSSB dan bagi fasa ke 2 cadangan dan menyiapkan kerja-kerja pengukuhan tebing-tebing belum dilaksanakan begitu juga dengan pembinaan sistem pam air mentah juga kajian reka bentuk pemantauan sedang dilakukan dan bagi fasa 3 pakej 1 cadangan mengorek HORAS ini dilaksanakan oleh KSSB dan pakej 2 cadangan membina muka sauk, pembetung sambungan dan kerja-kerja HORAS ini di kampung Hang Tuah Mukim Bestari. Sebagai menjawab secara terus HORAS 3000 masih lagi kerja-kerja awal untuk pengambilalihan tanah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah HORAS 600 HORAS 3000 di tempat yang sama? Soalan yang kedua ialah bagaimanakah (*ketawa*) memang ini penting HORAS 600 sepatutnya seperti yang kita maklumkan akan disiapkan pada Mac 2015 boleh Y.B. EXCO jelaskan?.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada yang bertanya. HORAS 600 dan HORAS 3000 berada di kedudukan yang berlainan.

Yang kedua seperti mana yang saya sebutkan tadi sekarang dalam proses orakan yang dilakukan oleh KSSB dan sehingga 5 September 2015 dilaporkan kemajuan di tapak telah mencapai 19.88 %. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Y.B. EXCO jawapan belum jelas. Bilakah HORAS 600 dan bilakah 3000 ini akan siap pembinaan dan dijangka beroperasi boleh tak bagi tahun kalau boleh spesifik bulan juga.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Seperti mana yang saya sebutkan tadi masih dalam proses pengambilan tanah...

TUAN SPEAKER: Saya faham isu mereka bertanya bila agaknya akan siap. Jadi bagi satu tarikh. Kalau tak ada beritahu mereka tidak ada sekarang dan sidang yang akan datang Taman Templer boleh bagi jawapan yang lebih tepat kepada mereka.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok. Bagi HORAS 3000 Pihak saya akan majukan mungkin secara anggaran yang lebih spesifik dan begitu juga dengan HORAS 600. Cuma seperti yang saya sebut tadi kerja-kerja awal pengorekan yang dilakukan oleh KSSB dijangkakan siap pada 30 September 2015 kerja fasa 1. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B PUAN YEO BEE YIN: Tapi sidang yang lalu telah dimaklumkan bahawa HORAS 600 akan siap Mac 2015 sebab kita hendak menangani musim kering untuk 2015. Boleh jelas?.

Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih. Saya melihat kembali apa yang dijawab pada sidang lepas.

TUAN SPEAKER: Saya minta agensi membekalkan jawapan kepada EXCO boleh jawab lebih tepat supaya soalan tidak berulang berkali-kali ya.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMAD TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap penubuhan JPP bawah kerajaan pusat.
- b) Berapakah ahli JPP yang dilantik di Selangor?.
- c) Apakah Akta yang membenarkan penubuhan JPP dan bagaimana akta boleh digunakan bagi menghalangnya?.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan. Susulan daripada cabutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-26/2014 yang diadakan pada 9 Julai 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-27/2014 pada 16 Julai 2014. Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk menimbang dan menangguhkan cadangan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Maklumat tidak dapat diperolehi daripada Jabatan Permohonan Negeri Selangor mengenai jumlah ahli JPP yang dilantik. Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk JPP adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 yang bersetuju:

1. Penubuhan JPP dalam kawasan PBT serta pemberian elaun,
2. Penubuhan Majlis Perwakilan Penduduk,
3. Perwujudan Unit kesejahteraan Bandar di PBT,
4. Meluluskan peruntukan RM63 juta setahun.

Walau bagaimanapun seperti mana yang diperuntukkan dalam jadual dua senarai kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Maka Kerajaan Negeri juga boleh membuat keputusan untuk mengguna pakai atau tidak dasar yang diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Sekian.

Y.B. PUAN HANIZA BINI MOHAMED TALHA: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINI MOHAMED TALHA: Adakah pendekatan yang sama akan digunakan terhadap penubuhan JKPP yang dilihat telah menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan penduduk kampung.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Taman Medan. Memang pendirian Kerajaan Negeri adalah tidak memberi pengiktirafan kepada JPP dan juga JKPP.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Yang Berhormat EXCO, inisiatif untuk penubuhan JPP ini adalah inisiatif kerajaan daripada Kerajaan Persekutuan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa usaha ini adalah usaha untuk memecahbelahkan masyarakat di Negeri Selangor setelah JKP ditubuhkan sekarang JPP pula ditubuhkan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Kota Anggerik. Saya setuju dan kerana pada masa sekarang di peringkat akar umbi, termasuk di taman-taman dan juga kampung, penduduk kita memang ada kekeliruan di antara JKPP dan juga JKK dan juga JPP dan JKP. Jadi saya berasa ini adalah akan membazirkan wang rakyat kerana di peringkat Kerajaan Negeri kita sudah ada JKP dan juga JKPP. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sama ada penubuhan ini cuma dibuat di Negeri Selangor oleh jemaah keputusan Jemaah Negeri atau di seluruh Malaysia. Kerana ini sebenarnya amat dan bagi saya apakah *preparation* dengan izin persiapan Kerajaan Negeri sebab kita nampak walaupun JKPP, JKPP itu tidak diiktiraf masih dijalankan dan dilaksanakan projeknya melalui ICU yang telah menimbulkan banyak juga kekeliruan dan pertindihan kerja dan akhirnya pembaziran wang di peringkat komuniti jadi saya ingin tanya sama ada kerajaan negeri akan mengambil satu tindakan yang lebih drastik untuk mencabar pihak Kerajaan Persekutuan dalam mahkamah sekiranya kuasa negeri dicabar.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya tak pasti adakah JKP atau JKPP hanya dilaksanakan di seluruh negara ataupun hanya di negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat tapi kerajaan negeri mungkin ya salah satu *option* untuk mengatasi masalah ini adalah untuk mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat satu deklarasi mahkamah mengenai status dan kuasa pelantikan JPP dan juga JKPP.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya yang ke sepuluh tidak berkaitan dengan soalan 359.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Speaker, saya akan jawab soalan Yang Berhormat Kampung Tunku bersekali dengan soalan 360 daripada Yang berhormat Kampung Teluk Datuk. Jumlah minyak masak terpakai yang telah

di kitar semula menjadi *biodiesel* oleh PBT setiap tahun sejak 2010 sehingga sekarang adalah seperti berikut:

Tahun	Kilogram (Kg)
2010	5,649
2011	21,300
2012	15,700
2013	56,829.4
September 2014	4,065.9

Dan pada masa yang sama sejak bulan Julai 2014 di peringkat Pejabat SUK Negeri Selangor kita juga ada program tersebut jadi jumlah sejak 2010 sehingga hari ini adalah 139,544.3 kg minyak masak yang telah di kitar semula oleh pihak PBT dan juga SUK. Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu garis panduan kitar semula minyak masak terlebih dahulu untuk dijadikan panduan di dalam melaksanakan program kesedaran awam dan kitar semula minyak masak. Kerajaan Negeri juga sedang dalam penyediaan enakmen sisa pepejal di mana ianya akan meliputi semua isu berkaitan sisa pepejal termasuk perkara berkaitan degan minyak masak terpakai dan meliputi pengusaha-pengusaha makanan. Soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Teluk Datuk adalah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor berperanan dalam menggalakkan, menyelaraskan dan juga memantau dasar-dasar sedia ada bagi pelaksanaan program kitar semula minyak masak terutama minyak masak yang dikitar semula untuk dijadikan bahan *biodiesel*. Pada masa kini Pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan Program Kitar Semula Minyak Masak di peringkat masing-masing. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor telah ada beberapa perbincangan dengan syarikat-syarikat tertentu ataupun pengusaha yang bantu dalam skim ini tapi Kerajaan Negeri tidak memberi insentif khasnya kewangan kepada golongan usahawan untuk menjalankan kerja-kerja pungutan minyak masak terpakai. Walau bagaimanapun, di peringkat PBT memang kerjasama itu ataupun galakan ataupun insentif diberi kepada persatuan penduduk, NGO-NGO dan juga pihak yang mengitar semula minyak masak. Kerajaan Negeri juga menyokong usaha-usaha syarikat yang menjalankan kerja-kerja mengitar semula minyak masak terpakai dan usaha yang sedikit sebanyak ini dapat membantu dan juga menggalakkan rakyat untuk menghormati alam sekitar pada masa yang sama menggalakkan satu tabiat yang bagus untuk masyarakat dan sebagainya. Pihak PBT tidak mengeluarkan lesen khusus kepada syarikat untuk menjalankan kitar semula minyak masak. Walau bagaimanapun, semua syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula minyak masak perlulah berdaftar seperti syarikat perniagaan yang lain dan tertakluk kepada undang-undang dan akta sedia ada.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Mengikut statistik yang diberikan kepada dewan angka yang ditunjukkan adalah amat kecil berbanding dengan *consumption* minyak masak. Masalahnya ialah adakah Yang Berhormat kerajaan EXCO akan mempertingkatkan pemantauan di peringkat PBT kerana masalahnya adalah di peringkat pemantauan yang mana saya rasa ini harus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Kampung Tunku. Saya setuju *volume* ya dengan izin bukan begitu besar walau bagaimanapun, kita melihat perkara ini sebagai satu titik permulaan khasnya untuk menggalakkan masyarakat tempatan ataupun NGO-NGO dan juga PBT untuk melaksanakan program mengitar semula minyak masak sebelum kita menggubalkan rang undang-undang enakmen sisa pepejal di negeri Selangor. Saya rasa selepas rang undang-undang enakmen tersebut dibentangkan di dewan dan dalam proses pelaksanaan maka jumlah *volume* dengan izin akan diperbesarkan. Pada masa yang sama untuk makluman Kampung Tunku dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat pada masa yang sama di peringkat syarikat ataupun *local* tempatan mereka sudah ada beberapa program untuk mengitar semula minyak masak tanpa melalui ataupun tanpa memberitahu pihak PBT. Dan ini seperti pengusaha-pengusaha makanan yang mereka sudah ada kontraktor ataupun syarikat yang memungut minyak masak yang terpakai. Jadi bukan selalunya kita perlu melalui PBT tetapi memang mereka dalam beberapa tahun sudah ada kontraktor ataupun pengusaha yang mengambil minyak masak terpakai itu dan mereka sudah ada kontrak dan sebagainya. Namun begitu pihak PBT juga ada peranan untuk memantau supaya minyak masak yang di kitar semula ataupun dipungut itu dijadikan *biodiesel* dan bukan dijadikan perkara-perkara yang tidak bagus untuk kesihatan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Tuan Speaker, soalan saya nombor sebelas.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan memastikan sistem pengangkutan awam di seluruh negeri Selangor dipertingkatkan dari semasa ke semasa oleh itu kerajaan negeri menyokong usaha untuk mewujudkan perkhidmatan bas awam antara bandar yang akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan bersama-sama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui projek penambahbaikan bas henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project*. Cadangan projek *CBIP* di negeri Selangor masih di peringkat

fasa kajian bagi tiga daerah iaitu Kuala Selangor, Sabak Bernam, dan Hulu Selangor. Manakala Daerah Kuala Langat akan menjadi daerah perintis bagi projek ini yang akan bermula pada tahun hadapan. Projek bagi daerah perintis akan merangkumi pelan rangkaian bas, operasi dan infrastruktur bas di daerah tersebut manakala daerah lain akan menggunakan pelan infrastruktur, daerah perintis sebagai gambaran daripada segi prinsip dan garis panduan infrastruktur bas. Pihak Kerajaan Negeri percaya bahawa perancangan rapi oleh PBT untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan bas yang disediakan dapat diperluaskan dan ditambah baik seiring dengan peningkatan taraf infrastruktur awam di seluruh Negeri Selangor.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO, saya bersetuju bahawa keperluan untuk mengkaji kepada perkhidmatan bas antara bandar ini sangat mustahak. Namun begitu lama ia telah berlangsung tanpa pelan penambahbaikan. Saya mengambil contoh kes di bawah pentadbiran MPKJ di daerah itu. Bas yang digunakan walaupun di bawah seliaan SPAD sangat teruk, sangat buruk dan sangat menakutkan. Kalau kita bercakap tentang penambahbaikan, saya harus mencadangkan supaya kawasan-kawasan yang telah ada diberikan tumpuan untuk di baik pulih perkhidmatan yang sedia ada.

TUAN SPEAKER: Soalannya Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Soalannya ialah apakah strategi tidak ada dalam portfolio EXCO untuk maksud itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Disebabkan portfolio pengangkutan ini adalah satu portfolio yang baru maka kita akan merancang untuk mengadakan perbincangan yang lebih kerap dengan pihak SPAD yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Buat masa itu, buat masa ini memang kita mengakui bahawa perkhidmatan bas percuma atau perkhidmatan bas perbandaran ini dari segi mutunya perlu dipertingkatkan dan selama ini Kerajaan Negeri tidak dapat melakukan kerja yang lebih banyak atau usaha yang lebih banyak dalam perkara ini kerana pertamanya dia adalah bidang kuasa Persekutuan Kerajaan Persekutuan dan keduanya disebabkan kekangan dari segi belanjawan di peringkat Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ijok dulu.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Masalah khidmat bas awam ini di Kuala Selangor itu semakin teruk. Tadi Tuan EXCO telah menjelaskan bahawa salah satu kawasan ialah kawasan Kuala Selangor tetapi sejak setahun ini tiada perubahan penduduk ialah mereka mengadu sebab khidmat bas awam ini tidak tetap dan kadang-kadang tidak ada *a certain days*. Jadi soalnya, bilakah Kerajaan Selangor akan memantau khidmat bas awam di Kuala Selangor dan kalaulah Kerajaan Selangor ada rancangan untuk mengambil alih bas khidmat bas awam, saya nak tahu bila? Sekian.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker. Memang Kerajaan Negeri memang sentiasa memantau keadaan perkhidmatan bas di semua bandar dan kampung di Negeri Selangor ini. Tetapi disebabkan seperti yang saya sebutkan tadi kerana kekangan kewangan dalam untuk tahun hadapan kita akan melihat bagaimana belanjawan yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk kita melihat apakah usaha-usaha yang kita boleh lakukan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan khususnya untuk mempertingkatkan dan memperbaiki sistem dan mutu perkhidmatan bas di kampung dan di bandar.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Burung

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Okay.* Terima kasih Tuan Speaker. Perkhidmatan bas awam di antara bandar ini melibatkan kawasan bandar dan luar bandar. Sebenarnya tidak berapa menguntungkan. Dan kerana itu kerajaan Negeri pun di bawah Pakatan Rakyat ada membuat ikrar janji untuk memberikan orang kata pengangkutan awam percuma. Jadi saya ingin tanya bilakah pada rancangan ini akan dilaksanakan untuk memastikan terutamanya menangani kos hidup di kawasan terutamanya di kawasan bandar-bandar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Yang Berhormat Sg. Burung. Sg. Burung harus memahami dan membaca dengan teliti ah! Manifesto Pakatan Rakyat didalam pilihan raya. Dalam manifesto pilihan raya kita menyebut kita akan menambah baik, ya! Sistem dan perkhidmatan didalam perbandaran. Di dalam perbandaran iaitu di kawasan perbandaran yang utama sebenarnya dan disebutkan sebenarnya di dalam manifesto itu termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kelang. Itu adalah empat bandar raya atau pun perbandaran yang utama di mana masalah yang perlu diselesaikan di peringkat itu adalah masalah kesesakan lalu lintas. Tetapi, untuk perkhidmatan antara bandar dan antara kampung itu soal lain. Itu isu lain. Ah! Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ijok tadi, itu adalah perkhidmatan bas di kampung. Bagaimana kita dapat menghubungi ya! Atau pun memastikan bahawa perhubungan di antara bandar ini dapat dijalankan dengan lancar dengan adanya perkhidmatan bas. Jadi itu adalah dua perkara yang

berlainan. Jadi untuk perkara yang pertama, isu pertama untuk menyelesaikan masalah kesesakan dalam perbandaran itu sendiri, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memulakan program perkhidmatan bas percuma dan sekarang ini dalam peringkat untuk menaik taraf lagi untuk menambahkan bilangan bas yang akan ditawarkan untuk kegunaan atau pun penggunaan penduduk di dalam kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sementara itu kerajaan masih melihat dari segi kewangan bagaimana kita membantu perbandaran yang lain seperti Subang Jaya, Shah Alam dan Klang untuk memberikan, menawarkan perkhidmatan bas percuma buat kali pertama. Dan ini masih lagi dalam peringkat perancangan bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan Negeri Selangor. Tapi juga kita harus juga melihat kepada kedudukan kewangan di PBT masing-masing melainkan mereka mempunyai kewangan yang mencukupi atau pun yang kukuh kita tidak dapat melaksanakan di tempat-tempat berikut dan juga, kita juga harus melihat kepada keperluan yang mana harus diberi keutamaan. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya. Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya memandangkan bidang pengangkutan awam adalah di bawah kerajaan persekutuan dan kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk tubuhkan Majlis Pengangkutan Awam ini. Ada tak satu bentuk perbincangan diadakan dengan pihak kerajaan Persekutuan sebab saya difahamkan bahawa untuk jajaran sosio yang dikatakan tidak untung itu sebenarnya ada subsidi juga peruntukan juga daripada kerajaan Persekutuan yang sepatutnya juga disalurkan supaya bila PBT kenal pasti ada jajaran yang perlu kita wujudkan, ia boleh mewujudkan satu kerja sama *win win situation* dengan izin antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya. Tuan Speaker buat masa ini kerajaan Negeri memberi penumpuan kepada perkhidmatan bas percuma di kawasan empat bandar raya dan perbandaran utama di mana kerajaan akan salurkan kewangan. Sementara itu untuk perkhidmatan di antara bandar khususnya di kawasan luar bandar itu, itu adalah satu rancangan di peringkat kerajaan Persekutuan di mana semua peruntukan akan datang daripada kerajaan Persekutuan. Sementara itu, Majlis Pengangkutan Awam Selangor yang telah pun ditubuhkan itu telah pun mengadakan dua kali mesyuarat sebelum ini dan juga satu jawatankuasa teknikal telah pun ditubuhkan di bawah Majlis Pengangkutan Awam Selangor ini untuk menyelesaikan masalah-masalah teknikal di dalam projek *BRT* iaitu *Bus Rapid Transit* yang telah pun dimulakan atau pun *initiating* diambil oleh kerajaan Persekutuan untuk mengadakan perkhidmatan *BRT* ini daripada Sentral Kuala Lumpur ke Klang, dan di peringkat jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh saya kami telah pun menyelesaikan semua masalah teknikal yang telah pun

dibangkitkan dan sekarang ini kita menunggu keputusan akhir daripada kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek *BRT* ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : HARGA RUMAH MAMPU MILIK

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek perumahan rumah mampu milik dibawah kelolaan kerajaan negeri?
- b) Adakah berlaku kenaikan harga rumah mampu milik ini?
- c) Apakah langkah efektif yang diambil oleh kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah bagi yang kurang berkemampuan?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya melaporkan di sini bahawa status atau pun jumlah projek perumahan Rumah Mampu Milik di bawah kelolaan Kerajaan Negeri sama ada di bawah anak-anak syarikat seperti PNSB atau pun PKNS dan juga di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, keseluruhannya sama ada yang telah siap atau pun yang dalam pembinaan, atau pun yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang, atau pun akan dimohon Kebenaran Merancang adalah sebanyak 5,743. Saya mulakan yang pertama adalah di Bandar Baru Bangi oleh PKNS 124 unit telah siap. Di Bukit Botak, Selayang oleh PKNS 1,422 unit telah siap. Di Antara Gapi oleh PKNS juga adalah sebanyak, di Seksyen 1D, fasa satu Antara Gapi sebanyak 129 unit projeknya adalah dalam pembinaan, Oleh PKNS juga iaitu di U 12, Shah Alam sebanyak 104 unit juga dalam pembinaan. Oleh PNSB di Panjang Perdana sebanyak 260 unit. Kebenaran Merancang telah mendapat kelulusan daripada Majlis oleh PKNS di Kampung Seri Temenggung sebanyak 418 unit. Kebenaran Merancang telah dipohon dan menunggu untuk kelulusan, dan seterusnya adalah di Sutera Damansara oleh PNSB iaitu usaha sama bersama dengan Semponia Sdn. Bhd., sebanyak 236 unit. Projek juga dalam pembinaan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di Taman UK Indah, Sungai Sering di daerah Gombak

sebanyak 2,496 yang ini Kebenaran Merancang daripada MPAJ telah juga pun mendapat kelulusan. Kemudian terdapat oleh Kumpulan Hartanah Selangor di bandar Kuala Selangor 276 unit, yang ini belum dibina tetapi menunggu permohonan merancang untuk mendapatkan Kebenaran Merancang oleh PKNS di Taman Kruing Rasa Daerah Hulu Selangor juga menunggu Kebenaran Merancang permohonan untuk mendapatkan Kebenaran Merancang dan kemudian Seksyen Di Antara Gapi Daerah Hulu Selangor sebanyak 80 unit, ini juga Kebenaran Merancang akan dipohon. Kemudian juga adalah PKNS di Seksyen 5, Kota Puteri sebanyak 198 unit juga akan memohon Kebenaran Merancang. Ini tidak termasuk jumlah-jumlah atau projek-projek di bawah PKNS yang masih dalam perancangan yang belum lagi dimohon Kebenaran Merancang atau masih lagi kita hendak memastikan unit yang hendak dibina. Tentang persoalan adakah berlaku kenaikan harga Rumah Mampu Milik ini, Rumah Mampu Milik ini kita telah *locked* dengan izin harganya daripada RM 42 ribu hingga RM 250 ribu. Kita tidak akan menaikkan harga tersebut. Tentang apakah langkah efektif yang diambil oleh kerajaan Negeri untuk membantu rakyat memiliki rumah bagi yang kurang berkemampuan. Di antara tanggung jawab dan perkara-perkara yang kita lakukan, adalah kita hendaklah memastikan bahawa masih lagi dibina rumah yang dahulunya dipanggil Rumah Kos Rendah atau sekarang ini dipanggil sebagai rumah kategori A iaitu harganya sebanyak RM 42 ribu. Yang ini kita akan teruskan. Selain daripada itu kerajaan Negeri akan melancarkan semasa sidang Dewan ini iaitu satu program baru iaitu program sewa dan milik di mana pihak mereka yang tidak boleh mendapat pinjaman bank mereka boleh menyewa dulu daripada Kerajaan Negeri dan kemudian mereka ada *option* dan pilihan untuk membeli rumah tersebut setelah dua tahun dan apabila dua tahun atau masa bergantung pada kemampuan mereka. Sebahagian daripada sewa yang mereka bayar akan ditolak daripada harga rumah. Ini bermakna mereka boleh tunggu sehingga pendapatan mereka boleh menyewa sehingga pendapatan mereka sampai ke tahap mereka boleh mendapat pinjaman bank atau ada anak-anak mereka yang boleh mendapat pinjaman bank. Tetapi, kalau mereka hendak terus menyewa mereka boleh terus menyewa sehingga habis pembayaran rumah, kos rumah tersebut. Dan *Insyah-Allah* ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika Dewan ini. *Insyah-Allah*. Selain daripada itu, saya ingin menjawab soalan No. 207 yang telah dibangkitkan oleh Rawang. Yang di antaranya adalah berapakah keseluruhan jumlah Rumah Mampu Milik yang akan dibina. Setakat ini syarikat atau pun pemaju swasta yang telah mendapat kelulusan untuk membina Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku adalah sebanyak 31 projek yang merangkumi 8,098 unit saya ada dia punya senarainya, dan *insyah-Allah* saya akan edarkanlah. Bermakna bahawa ini yang *confirmed* yang telah mendapat kelulusan daripada MMKN. Selain daripada itu, *insyah-Allah* Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan mengumumkan inisiatif-inisiatif baru bagi mana kita hendak menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina Rumah Mampu Milik dalam Dewan ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih. Berkenaan dengan program sewa dan milik tadi saya ingin hendak bertanya di manakah lokasi rumah tersebut akan diwujudkan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Program yang kita akan mulakan, yang pertamanya adalah di Rimba Jaya, Shah Alam dan Sungai Sering di Hulu Kelang. Apa yang akan terjadi adalah bahawa pihak kerajaan Negeri akan membeli rumah tersebut daripada pemaju oleh sebab pembeli, atau pun pembeli asal tidak dapat mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank, jadi apa yang akan jadi, bahawa Kerajaan Negeri akan beli dan akan sewakan balik kepada penduduk. Dan mereka ada *option* untuk membeli selepas dua tahun atau apabila mereka telah cukup dari segi kemampuan untuk membuat pinjaman bank. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Dalam jawapan Yang Berhormat EXCO penggal yang lepas, sidang yang lepas ada menyebut bahawa kami adalah akan dibekalkan senarai nama-nama projek dan juga nama-nama taman mengikut kawasan-kawasan Rumah Mampu Milik. Apakah sudah dikeluarkan senarai ini. Setakat ini Permatang tak terima lagi.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dia dalam, kita dah keluar dalam Selangor Kini dah keluar tak banyak Selangor Kini ni. Dewan bertepuk.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dalam Selangor kini kita dah janji nak bagi EXCO. Ya, di sini ada. Tak apalah kita *photo copy* sekejap lagi, saya bagi. Dalam, dalam saya akan keluarkan lah. Kalau hendak baca pun boleh tapi memakan masa lah. Jadi saya *photo copy directly* lah. Lepas ini. Tapi, bacalah Selangor Kini banyak-banyak.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tak boleh beri jawapan baca surat khabar ya. Kena jawab soalan dekat sini. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terma kasih, Tuan Speaker. Pembinaan Rumah Mampu Milik adalah bergantung kepada proses permintaan. Jadi berapa banyak kah permintaan yang telah direkodkan oleh kerajaan Negeri Selangor untuk mereka ini memohon Rumah Mampu Milik.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Ada dualah. Yang pertama adalah dari segi permintaan dan yang keduanya adalah dari segi kawasan. Masalahnya adalah bagi kawasan yang paling tinggi, masalahnya adalah tanah itu tidak ada untuk kita bina. Dan kalau kita lihat bahawa untuk Rumah Kos Rendah sahaja ada belasan ribu mungkin 17,000 yang minta. Saya hendak ambil contoh daripada segi Rumah Mampu Milik di Bangi, Bandar Baru Bangi di Seksyen 3 di mana kita menawarkan 124 unit rumah, yang ambil borang dua ribu, yang isi borang adalah lima ratus, jadi bermakna sekarang ini mereka terpaksa menunggulah. Sebab kita dalam proses membina sama ada kerajaan atau pun swasta. Jadi untuk menjawab memang *over subscribe* lah dengan izin sebanyak saya boleh katakan lima hingga sepuluh kali gandalah.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan No. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : KENAIKAN FI PERNIAGAAN

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh pihak PBT di Negeri Selangor hasil dari kenaikan FI ini ?
 - b) Adakah kerajaan bercadang untuk menyemak polisi kenaikan FI lesen perniagaan ini ?
 - c) Apakah rasional pihak kerajaan untuk menaikkan FI lesen perniagaan ini.?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih. Kalau Kota Anggerik kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh pihak PBT di negeri Selangor hasil dari kenaikan Fi lesen perniagaan adalah sebanyak 16,294,495.92 kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor yang belum laksanakannya. Kerajaan Negeri bercadang untuk menyemak semula kadar Fi lesen yang baru bermula tahun 2015 serta menyeragamkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Trade Perniagaan dan Perindustrian di setiap-tiap Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Pentadbiran sebelum ini bersetuju untuk menaikkan kadar Fi lesen perniagaan memandangkan kali terakhir Fi lesen perniagaan dikaji adalah pada tahun 1987. Sehubungan itu, kadar baru Fi lesen 2007 telah diluluskan bagi membolehkan PBT meningkatkan

kutipan hasil selain untuk melesenkan beberapa kategori perniagaan yang sebelum ini yang dapat dalam lama sekian.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kalau dikirakan pendapatan tambahan cuma RM16 juta berbanding 12 PBT, maknanya pendapatan satu PBT tambah RM1 juta. Jadi apakah kerajaan benar-benar nak naik nak laksanakan kenaikan Fi ini sebab kenaikan sedikit sangat mana pendapatan MBSA barunya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Kota Anggerik itu sebab pendapatan yang baru kita menyemak semula tentang kadar Fi lesen ini sekian.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, soalan keempat belas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : BAJET DAN PERUNTUKAN KERAJAAN PRIHATIN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratusan bajet 2014 dan cadangan bajet 2015 untuk Kerajaan Prihatin daripada jumlah bajet Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah keluarga yang mendapatkan manfaat daripada Kerajaan Prihatin Negeri Selangor setakat Oktober 2014?
- c) Sejauh manakah kejayaan program WALA setakat Oktober 2014?

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Speaker, terima kasih kepada Y.B. Teratai. Soalannya untuk berkenaan tentang peruntukan Kerajaan Prihatin. Tuan Speaker slogan Kerajaan Prihatin telah diwujudkan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan, mempunyai rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki bagi memiliki sebuah rumah yang lebih selesa yang didiami. Program Kerajaan Prihatin ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan yang mana jumlah pendapatan seisi rumah adalah di bawah RM1,500 sebulan. Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai.

Sehubungan dengan itu bagi tahun 2014 di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta daripada jumlah bajet keseluruhan Kerajaan Negeri sebanyak RM800 juta duit pembangunan. Peruntukan tersebut merangkumi peruntukan sumbangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan sebanyak RM500,000 yang memohon sumbangan melalui jawatankuasa ini. Manakala bagi tahun 2015 dianggarkan peruntukan RM1.5 juta tersebut dikekalkan. Peruntukan ini digunakan bertujuan untuk melaksanakan majlis penyerahan kunci rumah program Kerajaan Prihatin, pembelian barang-barang program serta program turun padang di daerah-daerah di Negeri Selangor. Sebahagian besar peruntukan ini juga digunakan untuk membiayai kos bina rumah dan baik pulih rumah yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat pemuliharaan bantuan Kerajaan Prihatin. Walau bagaimana pun peruntukan yang terhad tersebut telah ditambah dengan sumbangan peruntukan berjumlah RM5.1 juta daripada anak-anak Syarikat Negeri. Anak-anak Syarikat yang memberi sumbangan kepada program bantuan rumah Kerajaan Prihatin adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Semesta Berhad, Permodalan Negeri Selangor Berhad, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Zakat Selangor. Sumbangan yang terima ini digunakan khas untuk program bantuan rumah Kerajaan Prihatin. Sejak penubuhan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin golongan miskin di negeri Selangor mendapat manfaat dan keselesaan pembinaan rumah baru dan juga baik pulih rumah. Bagi tahun 2014 Kerajaan Negeri Selangor telah membantu seramai 970 keluarga yang terdiri daripada pelbagai bangsa di seluruh Negeri Selangor. Pemberian bantuan ini merangkumi pemberian sumbangan bina baru rumah baik pulih rumah serta pemberian hamper barangan harian bagi meringankan bebanan mereka. Jawatankuasa Kerajaan Prihatin juga memainkan peranan dalam menyalurkan sumbangan khas kepada mangsa-mangsa ribut taufan, ribut di daerah Pandamaran, Klang. Sumbangan khas telah diterima oleh seramai 30 penduduk di kawasan tersebut pada satu Majlis Khas yang telah diadakan bersama penduduk bersama YAB Dato' Menteri Besar. Mangsa-mangsa ribut tersebut telah menerima sumbangan berjumlah RM29,500 berbentuk cek daripada Jawatankuasa ini. Sedikit sebanyak sumbangan tersebut dapat digunakan bagi meringankan beban mereka yang terlibat dalam membaiki dan memulakan semula kehidupan mereka yang terjejas daripada bencana tersebut. Bagi soalan yang berkenaan tentang C) berkenaan WALA, saya telah difahamkan masih lagi dalam kajian berkenaan keusahawanan dan juga mereka maka untuk pada masa kini tiada jawapan yang dibekalkan daripada pihak UPEN dan juga dalam pelantikan baru di *Standco* yang memegang WALA ini masih belum diputuskan. Walau bagaimana pun, saya difahamkan WALA program WALA ini akan di jenamakan dengan nama baru dan juga akan diserap di bawah *Standco* Perdagangan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ah...Teratai dulu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO dalam jawapan. Memandangkan Kerajaan Selangor merupakan satu Kerajaan Prihatin yang merupakan Manifesto Pakatan Rakyat sebagai satu Kerajaan kita kata berkebajikan. Jadi adakah bajet yang dengan RM1.5 juta ini dapat ditambahkan lagi supaya boleh memberi manfaat kepada golongan miskin dengan kos inflasi yang semakin meningkat pada tahun 2015 ini, terima kasih.

Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Teratai, memang kalau tadi saya telah beritahu RM1.5 juta memang adalah satu peruntukan yang kecil dan juga kita perlu ingat untuk membina dan membaik pulih rumah ada peruntukan daripada Syarikat-syarikat Kerajaan iaitu sebanyak RM1.5 juta tapi namun begitu dengan adanya rancangan-rancangan baru, yang saya difahamkan akan diadakan dalam bulan Disember di bawah *Standco* saya UPEN bercadang untuk mengadakan *retreat* dan juga untuk mempelbagaikan program di bawah Kerajaan Prihatin saya percaya tidak ada masalah nanti Y.A.B. Dato' Menteri Besar akan luluskan dalam bajet tambahan nanti sekiranya ada. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN MAT SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berhubung dengan perkara ini ialah kita prihatin tentang nasib mereka-mereka yang tidak bernasib baik ini, tetapi apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kakitangan di WALA itu sendiri pun sekarang tidak diberikan perhatian kerana kita menerima aduan, mereka tidak diberikan gaji sejak beberapa bulan yang lepas dan ini perlu diselesaikan. Jadi saya mohon jawapan daripada pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Sri Muda. Seperti yang telah saya nyatakan tadi program WALA ini belum ditetapkan di mana-mana *Standco* lagi. Setahu saya perbincangan bersama dengan dalam MMKN dan dengan bersama Menteri Besar dan juga apa yang telah diberitahu oleh UPEN program WALA ini masih lagi dalam kajian dan juga penyelidikan tentang akaun-akaun yang telah tertunggak sedang berlaku. Pada masa kini saya mohon maaf kerana saya tidak dapat memberi jawapan yang sebenarnya untuk masa kini. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan bantuan rumah rakyat termiskin. Saya ingin bertanya dengan pihak EXCO kalau kita lihat syarat yang dinyatakan

mereka yang dibenarkan diberi bantuan adalah memiliki tapak rumah atau pun tanah untuk didirikan atau pun dibangunkan. Apakah ada satu jaminan sekarang ini kepada mereka ini kita lihat banyak isu-isu rakyat yang termiskin berada dalam bandar yang sebenarnya mereka tidak memiliki tanah-tanah untuk dibangunkan. Apakah usaha Kerajaan untuk memastikan mereka ini ada jaminan boleh juga memohon di bawah rumah Kerajaan termiskin ini tetapi bukan memiliki atau pun membina rumah di tapak-tapak tanah sedia ada tetapi bagi mereka memiliki rumah yang mereka sewa, terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih kepada Y.B. Batu Tiga. Memang kita sedar, ya memang syarat-syarat yang nyata telah dibuat pada dasarnya adalah untuk rumah memiliki untuk mendapat bantuan melalui Kerajaan Prihatin mesti memiliki tapak tanah yang geran hak milik kekal mesti ada, itu satu syarat dan dasarnya. Namun begitu adalah juga ada daripada permohonan seperti rumah terbakar di bandar, di kawasan bandar dan kemiskinan bandar memang sangat *which is* dengan izin memang perlu diberi keutamaan sekarang kerana ramai masyarakat di Selangor adalah menjadi penghuni di bandar. Di bawah penubuhan *Standco* yang baru iaitu kehidupan bandar di bawah Y.B. Iskandar, *Standco* baru diwujudkan untuk menangani masalah kemiskinan bandar. Namun begitu di bawah *Standco* Kerajaan Prihatin dan juga Kerajaan *Blueprint* masih lagi kami memberi keutamaan kepada menangani masalah-masalah begini. Tapi dalam pada itu seperti memiliki rumah masih lagi di bawah kepada rumah mampu milik itu sebab Kerajaan sekarang memberi keutamaan kepada pimpinan rumah mampu milik sekarang.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Soalan saya tadi jika pemohon atau pun mereka yang tidak berkemampuan ini tidak membeli rumah apakah kemungkinan Kerajaan akan buat satu syarat baru contoh kalau macam rumah terbakar atau pun rumah yang telah uzur yang mereka duduki itu boleh diberikan bantuan untuk baik pulih atau pun membangunkan semula rumah tersebut sehingga mereka boleh mempunyai rumah yang sempurna, terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Batu Tiga. Seperti yang telah saya nyatakan tadi memang kita ada kajian daripada UPEN sekarang di bawah *Standco* saya, mereka sedang kaji untuk menambahbaikkan syarat-syarat yang telah dikenakan sebelum ini pada dasarnya. Saya percaya nasihat daripada atau pun permintaan daripada Y.B. Batu Tiga akan dibincangkan bersama oleh UPEN nanti.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjurus kepada keluarga yang mana rumah mereka kehilangan rumah mereka akibat bencana alam dan di sini ada satu laporan yang menyatakan bahawa Kerajaan, tabung ini akan memperuntukkan RM20 juta untuk dibelanjakan tahun ini dan tahun depan. Jadi saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO berapakah yang akan dibelanjakan oleh Y.B. untuk keluarga yang kehilangan rumah akibat bencana alam yang mana peruntukan itu akan disalurkan daripada tabung ini. Jadi Y.B. menjemput RM1.5 juta tetapi sini ada RM20 juta, terima kasih.

Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Kampung Tunku. Tabung Bencana Alam sebenarnya adalah di bawah Y.B. Daroyah sebenarnya. Untuk apa yang berlaku di Pandamaran adalah sebenarnya satu tabung yang khas yang telah diguna peruntukan lebih Kerajaan Prihatin untuk membantu. So saya percaya adalah lebih sesuai sekiranya dalam soalan-soalan yang akan datang untuk Y.B. Sementa untuk menjawab soalan tersebut.

TUAN SPEAKER: Masa untuk Pertanyaan telah tamat. Saya tangguhkan sesi Pertanyaan untuk hari ini.

VI. RANG UNDANG-UNDANG

(Ucapan Bajet oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar)

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 semua peringkat. Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78, supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, dengan cadangan ini, sila kata **Ya**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **Tidak**. **Dipersetujui.**

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuan Rang Undang - Undang ini ialah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi Dua Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Satu Juta, Lima Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu, Empat Puluh Empat Ringgit dan Empat Puluh Dua Sen (RM 2,351,559,044.42) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 adalah dibenarkan, dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

PENDAHULUAN

1. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka saya dapat bersama-sama Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri menyertai Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Persidangan Dewan Negeri Selangor ke-13, Tahun 2014 demi menyuarkan hasrat dan aspirasi rakyat Negeri Selangor dalam merangka dasar pembangunan yang berkualiti (*quality growth*) dan mendukung program peduli rakyat.

2. Marilah bersama menggalas amanah kepimpinan yang amat berat demi menyahut harapan umat. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kita kekuatan dan bimbingan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya.

3. Kerajaan Negeri tuntas untuk menjadikan prinsip keadilan sosial sebagai teras dalam amalan pentadbiran. Menginsafi kemajmukan dan kerencaman masyarakat serta cabaran baru pada hari ini, kita mahu seluruh rakyat Selangor disantuni dan dipelihara kepentingannya dengan penuh tanggungjawab tanpa mengira ras, agama, faham politik dan gender.

4. 38 hari lagi, kita akan memasuki tahun ke-15, abad ke -21. Pelbagai petunjuk memperkukuhkan pendapat dan ramalan bahawa abad ini adalah milik Asia. Kini, 4 bilion mewakili 60 % dari penduduk dunia berada di Asia. Setelah selama 300 tahun Eropah dan Amerika Utara mendominasi ekonomi dunia, dalam abad ke-21 ini, anjakan dan transformasi raksasa sedang berlaku yang akan menjadikan Asia paksi kepada kegiatan ekonomi dunia.

5. Hanya beberapa tahun sahaja lagi, China akan mengatasi Amerika Syarikat sebagai ekonomi terbesar di dunia. Kerancangan ekonomi India, Asia Timur dan Asia Tenggara akan menyertai China melahirkan jumlah penduduk kelas menengah yang melebihi keseluruhan penduduk Eropah dan Amerika Utara. Justeru itu, dalam dekad akan datang, kemakmuran dunia akan bergantung kepada kesihatan dan kedinamikan ekonomi Asia. Sekiranya Asia bersin, maka seluruh dunia akan demam.

6. Sebagai sebahagian dari Asia, kita tentu berbangga dengan kedatangan Abad Asia. Ia memberikan kita keyakinan baru. Namun, kita jangan dijangkiti dengan keangkuhan seperti yang berlaku pada kuasa Eropah di Abad Eropah dan pada kuasa Amerika Syarikat di Abad Amerika. Kita perlu belajar dari nilai, pengalaman, sains dan teknologi mereka. Nilai murni Asia dan ajaran agama perlu kita rangkul dalam mengemudi ekonomi pasaran, politik demokrasi dan kebudayaan yang kosmopolitan.

7. Nilai murni dan agama tidak melarang manusia sebagai individu dan masyarakat untuk mengejar harta dan kekayaan selagi kegiatan tersebut tidak mendobrak atau melanggar batasan moral dan agama. Dalam ketakjuban ekonomi Asia, terkandung aspek yang menimbulkan kegusaran moral khususnya kesenjangan pendapatan yang menjolok mata. Melalui bukunya yang amat berpengaruh, *Capital in the 21st Century*, Thomas Piketty telah membawa isu kesenjangan pendapatan ke tengah panggung wacana ekonomi dunia sebagaimana filasuf John Rawls meletakkan *distributive justice*, keadilan dalam pengagihan, di tengah-tengah falsafah politik. Piketty menegaskan bahawa kesenjangan pendapatan merupakan cabaran dan bahaya terbesar kepada demokrasi abad ke - 21.

8. Bertolak dari kesedaran moral, ruh agama, renungan filasuf dan kajian ekonomi, adalah penting bagi kita memiliki gagasan pembangunan yang bertujuan untuk menjamin kesinambungan perkembangan ekonomi yang dinamis, penciptaan kekayaan tetapi diseimbangkan dengan tuntutan keadilan sosial melalui keadilan dalam pengagihan.

SENARIO EKONOMI

9. Peri penting kesihatan ekonomi Asia terkelihatan dalam senario ekonomi dunia semasa yang masih bergelut dan belum pulih sepenuhnya dari kesan krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat dalam tahun 2007.

10. Oktober lalu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi dunia berkembang hanya pada kadar 3.3 % dalam tahun 2014, merosot sebanyak 0.4 % dari unjuran yang dibuat 6 bulan sebelumnya. IMF juga memberi peringatan kebanyakan negara tidak akan mencapai paras pertumbuhan yang pernah dicatatkan sebelum dilanda krisis kewangan. Sementara itu, Bank Dunia meramalkan ekonomi rantau Asia Timur dan Pasifik akan mengalami penyesuaian akibat pertumbuhan ekonomi dunia yang lemah dan kadar pertumbuhan yang menyederhana di China dan krisis politik di Thailand.

11. Bagi tahun 2015, IMF mengunjurkan ekonomi global akan tumbuh pada kadar 3.8 % berikutan kerancangan ekonomi di Amerika Syarikat, Eropah dan ASEAN. IMF

juga menganggarkan kenaikan pertumbuhan ekonomi di kalangan negara - negara ASEAN dari 4.7 % kepada 5.4 %.

12. Namun, terdapat pakar ekonomi yang meramalkan ekonomi global pada tahun depan akan tumbuh pada kadar yang sedikit rendah dari yang diramalkan sekarang. Ini adalah kerana beberapa negara *Euro Zone* berada dalam keadaan statik dan beberapa negara menuju ke arah kemelesetan. Di Asia, Jepun mengalami kemelesetan dalam suku ketiga tahun ini, dengan KDNK menguncup pada kadar 1.6 % berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 2.2 % yang diramalkan.

13. Berdasarkan senario antarabangsa, ekonomi Malaysia dalam tahun 2014 tumbuh pada kadar 5.5 %. Kadar pertumbuhan ini adalah membanggakan berbanding negara-negara ASEAN dan negara Asia Timur yang ekonominya cemerlang seperti Korea Selatan yang tumbuh dalam lingkungan 3 % sahaja.

14. Namun, kesegaran ekonomi Malaysia dicatatkan oleh jurang pendapatan yang semakin melebar. Peningkatan *gini coefficient* di Malaysia membuktikan Putrajaya gagal memberi fokus secukupnya dalam usaha mencapai keadilan sosial dan keadilan dalam pengagihan.

15. Mengambil kira faktor ini, Selangor akan melaksanakan dasar ekonomi yang bersifat pembangunan atau *developmental*. Falsafah ekonomi Selangor adalah berteraskan konsep pertumbuhan yang berkualiti, peningkatan mutu kehidupan dan merangsang kreativiti dan inovasi.

16. Pagi ini, buat julung kalinya saya membentangkan Belanjawan Negeri Selangor dengan bertemakan "**Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan**".

BELANJAWAN 2015

17. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor terus mantap. Kumpulan Wang Disatukan pada 19 November 2014 berjumlah RM 3.31 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai RM 108.68 juta dan pelaburan sejumlah RM 3.2 bilion. Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM 400.8 juta kepada RM 3.307 bilion iaitu 13.78 % berbanding RM 2.907 bilion pada tahun 2013.

18. Kutipan hasil Negeri Selangor bagi tahun 2015 dianggarkan meningkat 6.49 % kepada RM 1.97 bilion berbanding RM 1.85 bilion pada tahun 2014.

19. Berdasarkan kedudukan kewangan negeri yang kukuh dan meyakinkan, maka Kerajaan Negeri mencadangkan agar anggaran perbelanjaan 2015 berjumlah RM 2,422,500,000 bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan khususnya program kesejahteraan rakyat. Daripada jumlah tersebut, RM

1,288,530,000 atau 53.19 % adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan RM 1,133,970,000 atau 46.81 % bagi perbelanjaan pembangunan.

20. Di bawah peruntukan mengurus, RM 385 juta adalah bagi emolumen dan RM 443.5 juta disediakan bagi perkhidmatan dan bekalan. Manakala, RM 17.6 juta diperuntukkan kepada pembelian aset. Sejumlah RM 426.5 juta disediakan untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan RM 16 juta untuk perbelanjaan lain.

21. Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM 277.3 juta diperuntukkan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan RM 106.6 juta disediakan bagi perkhidmatan masyarakat, pembangunan luar bandar, sektor perbandaran dan pembangunan usahawan. Seterusnya, RM 100.2 juta diperuntukkan bagi pembangunan sosial termasuk pendidikan, perumahan, pembangunan belia dan sukan dan pembangunan insan. Sejumlah RM 48.9 juta akan diperuntukkan bagi pembangunan khas negeri dan RM 44.4 juta bagi pengambilan balik tanah. Bagi pentadbiran am, sejumlah RM 33.8 juta diperuntukkan manakala bagi pembangunan adat Melayu dan warisan serta pelancongan sejumlah RM 9.25 juta disediakan.

STRATEGI BELANJAWAN 2015

22. Sebahagian besar Negeri Selangor terletak di dalam Lembah Klang. Ini memberi kelebihan kepada Selangor untuk berperanan sebagai pusat pembangunan utama negara. Daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat dan Sepang merupakan pusat pertumbuhan yang sedang rancak menerima pembangunan.

23. Selaras dengan perkembangan ini, Selangor perlu bersedia untuk menerima tekanan pembangunan dari segi pembangunan ekonomi (seperti pelaburan, perindustrian, peluang pekerjaan), pembangunan fizikal dan infrastruktur (seperti perumahan, sistem pengangkutan awam), pembangunan sosial dan utiliti (seperti kemudahan pendidikan, bekalan air, elektrik, komunikasi ICT).

24. Dalam memberi penekanan kepada pembangunan, Kerajaan Negeri tidak boleh mengabaikan keperluan menjaga dan memelihara alam sekitar, sumber dan warisan semulajadi, sejarah dan budaya.

25. Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia perlu bercita-cita bukan sahaja untuk memastikan ekonomi berkembang lebih cepat tetapi juga untuk memastikan pertumbuhan yang berkualiti dari pelbagai penilaian berasaskan petunjuk sosio-ekonomi.

26. Tumpuan harus diberikan kepada sektor sebenar ekonomi. Walaupun Pelaburan Langsung Asing (FDI) perlu memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi, usaha juga perlu dibuat untuk memanfaatkan potensi yang

belum diterokai dalam pelaburan domestik termasuk mencipta peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti dan peningkatan dalam rantai nilai daripada aktiviti berasaskan pekerja yang berkemahiran rendah kepada aktiviti pekerja berkemahiran tinggi.

27. Maka, strategi Belanjawan Negeri Selangor 2015 adalah :

1. Membesarkan lapisan kelas menengah.
2. Menjana pertumbuhan berkualiti.
3. Memberdaya ekonomi hawa dan generasi muda.
4. Pembangunan kejurangan hijau.
5. Menjana industri budaya dan intelektual.
6. Menyemarak ekonomi desa.

TERAS BELANJAWAN 2015

Strategi 1 : Membesarkan lapisan kelas menengah melalui Program HIJRAH

28. Dalam usaha kita untuk mencapai keadilan sosial dan pengagihan yang adil, kemiskinan perlu dibasmi di Negeri Selangor. Sekiranya kita menggunakan ukuran kemiskinan tegar Kerajaan Persekutuan iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM 520, maka Selangor telah bebas dari belunggu kemiskinan tegar.

29. Walau bagaimanapun, pada kadar Purata Garis Kemiskinan Kebangsaan RM 830 bagi isi rumah, Negeri Selangor masih mencatatkan insiden kemiskinan 0.4 %. Sebagai negeri termaju, Selangor tidak boleh menggunakan kriteria paras kemiskinan Putrajaya. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM 1,500 sebagai garis kemiskinan di Negeri Selangor. Menurut kriteria ini, 30 % daripada penduduk Selangor berada di bawah garis kemiskinan.

30. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri perlu melipat gandakan usaha untuk memartabatkan kelompok ini supaya mereka diupayakan untuk keluar dari putaran ganas kemiskinan. Maka, dana bagi mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan perlu ditingkatkan. Kerajaan Negeri akan memperkasakan pembiayaan melalui Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR). Kerajaan Negeri akan menaikkan siling peruntukan untuk kedua-dua dana kepada RM 100 juta berbanding hanya RM 70 juta sebelum ini. SkimSel ditingkatkan kepada RM 60 juta manakala MiMBAR dinaikkan kepada RM 40 juta.

31. Semua program ini akan disepadukan di bawah inisiatif **HIJRAH** untuk melonjakkan golongan miskin ini berhijrah memasuki kumpulan berpendapatan menengah.

Strategi 2 : Menjana Pertumbuhan Berkualiti - Pelaburan, Pendidikan, Perumahan Rakyat dan Pelancongan

32. Kerajaan Negeri menyedari kepentingan pelaburan yang mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor, mencipta kawasan baru yang menyokong kegiatan perkilangan dan pengembangan sektor perkhidmatan. Pelaburan juga mempunyai kesan gandaan (*multiplier effect*) dari sektor perkilangan untuk membantu industri lain seperti perumahan, komersil, logistik, pusat latihan / kemahiran, perkhidmatan kesihatan, industri makanan dan perhotelan.

33. Prestasi pelaburan negeri dalam tahun 2014 terus meningkat. Selangor mencatatkan jumlah tertinggi projek yang telah diluluskan berbanding negeri-negeri lain, iaitu sebanyak 153 projek diluluskan dengan nilai berjumlah RM 4.58 bilion. Daripada jumlah modal pelaburan tersebut, sebanyak RM 2.70 bilion atau 59 % adalah daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM 1.88 bilion atau 41 % adalah daripada pelaburan asing. Sejumlah 9,659 peluang pekerjaan diwujudkan.

34. Bagi memperkukuhkan lagi sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro - aktif dengan melaksanakan penjenamaan semula *Selangor State Investment Centre* (SSIC) dengan nama baru iaitu **Invest Selangor Berhad**. Penjenamaan ini akan memberikan imej baru di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan terunggul di peringkat Malaysia dan Asia.

35. Pada tahun 2014, peruntukan belanja mengurus untuk Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian (IKS) dan Perdagangan adalah RM 5 juta dan promosi pelaburan berjumlah RM 1.6 juta. Memandangkan sektor pelaburan amat penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri mencadangkan sejumlah RM 16.6 juta diperuntukkan bagi tahun 2015 dengan memberi tumpuan kepada aktiviti dan promosi pelaburan melalui usaha ekspo perdagangan bertaraf antarabangsa dan usaha *E - Commerce*.

36. Kita bersyukur Negeri Selangor menyumbang 23.7 % kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Sumbangan Selangor dan Kuala Lumpur dalam ekonomi negara adalah sebanyak 39.2 %. Penerusan kerancakan ekonomi ini memerlukan sokongan keupayaan penyediaan bekalan elektrik yang mencukupi dan konsisten.

37. Pada masa kini, kawasan tengah Semenanjung Malaysia yang meliputi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan menggunakan sebanyak 7,537 *MegaWatt per hour* (MWh) iaitu 40 % daripada permintaan tenaga elektrik di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 28.1 % merupakan keperluan penggunaan di

Negeri Selangor. Permintaan bekalan elektrik dijangkakan terus meningkat daripada 7,752 MWh dalam tahun 2016 kepada 8,242 MWh dalam tahun 2018.

38. Sekarang berlaku ketidakseimbangan dalam permintaan dan bekalan tenaga elektrik di Selangor. Setelah meneliti penawaran dan permintaan bekalan elektrik serta kesannya kepada ekonomi negara, keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat, maka Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif membenarkan pihak TNB melaksanakan projek talian penghantaran elektrik untuk mengatasi masalah ketidakcukupan bekalan elektrik dan mengelakkan kemungkinan tragedi *black out* berlaku di Negeri Selangor.

39. Projek ini juga akan memberi pulangan bernilai RM 20.5 juta kepada Negeri Selangor melalui pengenaan bayaran ganti rugi pembinaan talian penghantaran di atas tanah kerajaan.

Tuan Speaker,

40. Pendidikan adalah pelaburan modal insan untuk menjamin kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamis. Kerajaan Negeri mahu pembangunan pendidikan sebagai inisiatif rakyat untuk mengangkat mutu pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf global.

41. Demi membudayakan tradisi keilmuan di kalangan masyarakat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM 60 juta kepada Universiti Selangor (UNISEL) bagi menjamin suasana pembelajaran yang kondusif, iaitu sebanyak RM 23.05 juta bagi tujuan membaik pulih asrama UNISEL dan sebanyak RM 40.73 juta bagi membaik pulih sistem pembentungan di Kampus Bestari Jaya. Untuk tujuan pembangunan ICT, satu peruntukan sebanyak RM 2.65 juta turut dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menaiktaraf sistem rangkaian komputer.

42. Kerajaan Negeri memahami keperluan kewangan untuk membiayai pendidikan anak-anak Selangor. Justeru, mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan sejumlah RM 10 juta setahun untuk Tabung Basiswa Selangorku khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

43. Untuk menjayakan prinsip kepelbagaian sejajar dengan falsafah pendemokrasian pendidikan tinggi, Kerajaan Negeri menawarkan 10 tempat di UNISEL untuk anak-anak orang asli yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Adalah dicadangkan tabung biasiswa ini akan dikenali sebagai **Basiswa Sagong Tasi**.

44. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga bercadang memperkenalkan Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor untuk mahasiswa UNISEL dan KUIS dengan

peruntukan berjumlah RM 12 juta setahun sebagai bantuan awal sebelum mereka menerima wang pendahuluan pembiayaan daripada PTPTN atau pembiayaan pendidikan lain.

45. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor berjumlah RM16 juta yang memberikan kemudahan pinjaman boleh ubah (*convertible loans*) kepada pelajar cemerlang di Selangor.

46. Program Hadiah Anak Masuk Universiti akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM8 juta, khusus kepada pelajar Sarjana Muda dan Diploma sepenuh masa dari keluarga yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan. Setiap mereka akan menerima RM1,000 selepas mendaftarkan diri untuk tahun pertama di universiti.

47. Kerajaan Negeri ingin membesarkan '*brain bank*' Negeri Selangor dengan mengadakan sejumlah 10 biasiswa bagi pengajian bidang-bidang strategik dan kritikal di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di kalangan anak Selangor. Untuk maksud ini, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM5 juta. Atas hasrat yang sama, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan geran awal RM 2 juta bagi mewujudkan Institut Darul Ehsan (IDE) sebagai wahana untuk merangka kebijakan-kebijakan serta menerapkan pemikiran progresif demi kecemerlangan Negeri Selangor.

48. Ikhtiar ini membuktikan komitmen kerajaan terhadap agenda pendidikan dan pengembangan keupayaan serta kecendekiawanan. Dana yang diperuntukkan bagi tujuan pendidikan, bukan hanya merupakan pelaburan kerajaan demi masa depan, akan tetapi turut merupakan inisiatif permuafakatan bersama mahasiswa, para pensyarah, warga alumni dan masyarakat khususnya rakyat Negeri Selangor.

49. Tanpa terlepas pandang mengenai pembangunan rohani untuk mengimbangi pembangunan material, Kerajaan Negeri mengambil berat sektor pendidikan tinggi agama. Kerajaan Negeri bersetuju sejumlah RM 2 juta khusus bagi Program Pendidikan Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat yang ditawarkan oleh KUIS akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan dan Anak Syarikat Negeri. Dengan demikian, KUIS akan segera berstatus universiti penuh.

Tuan Speaker,

50. Dasar perumahan Negeri Selangor yang berkonsepkan perumahan mampu milik atau Rumah Selangorku adalah untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna' khususnya di kalangan pembeli yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuk golongan muda atau pasangan muda untuk memiliki rumah mengikut kemampuan masing-masing.

51. Kerajaan Negeri mengambil maklum permintaan yang tinggi untuk rumah mampu milik. Justeru itu, Kerajaan akan berusaha bersama anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik pelbagai jenis bersesuaian dengan permintaan.

52. Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengemukakan data dan status pembinaan Rumah Kos Rendah (RKR), Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) dan Rumah Kos Sederhana (RKS) oleh pemaju-pemaju yang telah diberikan kebenaran merancang dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Kerajaan mendapati masih ramai pemaju yang besar di beberapa kawasan perbandaran utama seperti Shah Alam, Petaling Jaya, Subang, Klang dan Kajang yang mendahulukan dan menyiapkan pembinaan perumahan yang bernilai tinggi tetapi gagal memulakan projek Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah dan Rumah Kos Sederhana.

53. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri gagal mendapatkan unit - unit rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi rakyat Negeri Selangor yang berpendapatan sederhana rendah dan sederhana. Pihak pemaju sering memberikan alasan bahawa subsidi yang mencecah RM 40,000 untuk seunit rumah kos rendah memberikan tekanan kewangan kepada mereka.

54. Kerajaan yang komited untuk menyediakan perumahan untuk rakyat perlu mengambil sikap yang proaktif dengan mengenalpasti kawasan yang strategik dan mempunyai infrastruktur yang baik untuk pembinaan rumah mampu milik secara besar - besaran dengan mewujudkan kerjasama yang konstruktif dengan pemaju swasta.

55. Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi insentif berikut bagi menggalakkan penyertaan pemaju swasta dalam pembangunan rumah mampu milik bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang berkualiti melalui pembangunan perumahan :

- i. Kelulusan segera untuk meminda dari Dasar 20:20:10 kepada Dasar Rumah Selangorku yang berkonsepkan Rumah Mampu Milik (RMM).
- ii. **Peraturan Rumah Selangorku Jenis A dan B** yang berbeza boleh ditentukan berdasarkan kepada pertimbangan seperti faktor permintaan dan penawaran semasa, lokasi perletakan tapak, kesediaan kemudahan infrastruktur di kawasan.
- iii. Kerajaan Negeri memberi **diskaun premium bagi tanah-tanah** yang terlibat dengan pembangunan Rumah Selangorku **pada kadar 10%** dari nilai tanah semasa.

- iv. Kerajaan Negeri memberi pengecualian **Caj Pemajuan** bagi pembangunan tanah / lot yang terlibat dengan pembangunan Rumah Selangorku.
- v. Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan penambahan **kepadatan (density)** sehingga **120 unit per ekar** tertakluk kepada keadaan tanah dan perletakan di kawasan pusat bandar.
- vi. Kelulusan segera (**fast track**) bagi proses yang terlibat dengan agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

56. Pemberian insentif pembangunan rumah mampu milik ini dilaksanakan dengan syarat pembinaan dilakukan dalam tahun 2015 dan pemaju mesti menyiapkan pembinaan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun dari tarikh kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

57. Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan sejumlah 15,000 unit Rumah Selangorku pelbagai jenis akan dibina dalam tempoh 3 tahun mulai 2015.

58. Kerajaan Negeri mengambil maklum wujud pelbagai masalah bagi warga peneroka bandar yang mendapat tawaran rumah kos rendah, untuk mendapat pembiayaan pinjaman perumahan seperti tiada pendapatan tetap, faktor umur dan komitmen yang tinggi.

59. Kerajaan Negeri akan melaksanakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana - Sel) dengan peruntukan permulaan sebanyak RM 10 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk tujuan menyelesaikan masalah peneroka bandar dengan menggunakan konsep sewa dan milik. Melalui skim ini, golongan peneroka bandar akan diberikan rumah kos rendah untuk disewa dan seterusnya memiliki rumah tersebut setelah tempoh penyewaan mencapai satu tempoh matang yang ditetapkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat perjanjian sewa dan milik.

60. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap permasalahan projek terbengkalai akibat ketidakcekapan pemaju dalam menyiapkan projek yang dirancang. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai atau TEPAT dengan dana pusingan sebanyak RM 20 juta. Sebagai permulaan, bagi tahun 2015, empat (4) projek yang melibatkan 956 unit rumah kos rendah telah dikenal pasti untuk dipulihkan oleh TEPAT.

61. Kerajaan Negeri juga komited untuk menyelesaikan permasalahan perumahan untuk lebih 400 keluarga bekas pekerja ladang yang telah dipindahkan daripada Ladang Perang Besar, Ladang Medingly, Ladang Galloway dan Ladang Sedgely ke Taman Permata Dengkil, Sepang kerana pelaksanaan projek Putrajaya. Kerajaan Negeri telah pun selesai proses pengambilan tanah seluas 30 ekar milik

Sime Darby di Mukim Dengkil pada Oktober 2014 yang lalu dengan pampasan sebanyak RM 12.1 juta yang telah pun dibayar pada 18 November 2014.

62. Tapak milik Kerajaan Negeri ini akan dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan yang mengikut perjanjian bersetuju untuk membiayai kos pembinaan 400 unit rumah teres satu tingkat untuk tujuan pemindahan penduduk Taman Permata Dengkil, Selangor.

Tuan Speaker,

63. Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan tahun 2015 sebagai Tahun Melawat Selangor. Peruntukan untuk Jawatankuasa Tetap Pelancongan telah dinaikkan kepada RM 6.7 juta berbanding RM 5.2 juta bagi tahun 2014. Tourism Selangor menyediakan 27 acara dalam Kalendar Acara Pelancongan yang terdiri daripada 9 acara utama untuk menarik 7 juta pelancong dari luar dan dalam negara yang disasarkan bagi tahun 2015. Tiga produk pelancongan yang menjadi tumpuan bagi tahun 2015 adalah eko-pelancongan, pelancongan sukan dan pelancongan warisan.

Strategi 3 : Memberdaya Ekonomi Hawa dan Generasi Muda

64. Kerajaan Negeri mengambil serius dengan tuntutan generasi muda serta kaum hawa yang memerlukan anjakan dan dokongan ekonomi digital khususnya dari sudut keusahawanan. Kewujudan internet berkelajuan tinggi membuka pelbagai ruang kemajuan kepada golongan muda dan kaum hawa serta meningkatkan *connectivity* sosial bandar dan desa.

65. Dalam abad ke - 21, internet merupakan keperluan asas bagi sebuah negeri maju seperti Selangor. Perhubungan dan komunikasi melalui internet laksana tingkap besar untuk menerobos ke setiap pelosok dan seluruh dunia tanpa sempadan. Internet juga memainkan peranan besar dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran Negeri Selangor. Pada tahun 2013, Selangor hanya mempunyai 5,058 *hotspot point* iaitu lokasi yang terdapat perkhidmatan internet tanpa wayar.

66. Kerajaan Negeri sebelum ini telah menyediakan perkhidmatan WiFi Selangorku secara percuma. Namun, prestasinya hanya meliputi sebanyak 112 *hotspots* sahaja iaitu 2 *hotspots* bagi setiap kawasan DUN dengan membayar sewaan bulanan sebanyak RM 1,000 setiap *hotspots*. Dengan bilangan itu, kita belum boleh mengisytiharkan Selangor sebagai negeri yang memberi perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat.

67. Menyedari kelemahan ini, maka Kerajaan Negeri Selangor akan mencari jalan mengupayakan akses rakyat kepada internet. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan

bekerjasama dengan pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi untuk menyediakan secara percuma sekurang-kurangnya 2,500 *hotspots* yang berkelajuan 1 Mbps (*megabits per second*) dengan lingkungan perkhidmatan seluas 100 meter.

68. Lokasi 2,500 *hotspots* ini akan diletakkan di tempat tumpuan awam di kawasan luar bandar dan kawasan yang tidak mempunyai kemudahan internet. Dengan terlaksananya program ini, maka penggunaan ekonomi digital dapat dipertingkatkan dan membuka peluang untuk para usahawan berjaya dan meningkatkan taraf kehidupan masing-masing.

69. Dengan pola pemasaran terkini, penggunaan internet dijangka mencecah 25 juta menjelang tahun 2015. Kerajaan Negeri komited untuk mempersiapkan para usahawan di Selangor untuk merebut peluang perniagaan. Oleh yang sedemikian, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada program pembangunan usahawan digital (*digital entrepreneurs*) termasuk melalui kerjasama bersepadu dengan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

70. Pentadbiran ini juga akan membangunkan sistem maya, Wahana Pemasaran Keusahawanan Selangor (*Selangor Entrepreneurship Marketing Platform*) yang akan membolehkan semua usahawan di Selangor mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Sebagai galakan kepada usahawan muda untuk meningkatkan produktiviti dan memperluaskan pasaran, Kerajaan Negeri telah memperkasakan Dana Industri Kampung kepada Dana Usahawan Mikro Selangor dengan meningkatkan jumlah insentif daripada RM 10,000 kepada RM 30,000 bagi setiap permohonan.

Tuan Speaker,

71. Dalam usaha pembangunan bakat dan kebolehan generasi muda, latihan kemahiran teknikal amat strategik untuk membina ekonomi generasi muda khusus kepada 70% anak muda yang tidak berpeluang memasuki institusi pengajian tinggi.

72. Kerajaan Negeri mengenalpasti peranan SHRDC (*Selangor Human Resource Development Centre*) yang beroperasi untuk mencapai matlamat memberikan latihan teknikal dan vokasional yang diperlukan oleh pihak industri masa ini dan masa hadapan. Ia dianggotai oleh pihak industri dan turut melibatkan peranan Kerajaan.

73. Kerajaan Negeri dan SHRDC akan mengadakan kerjasama erat dalam hal ehwal berkaitan *talent development* (pembangunan bakat dan kebolehan). Kolaborasi antara Kerajaan Negeri dan SHRDC ini akan turut melibatkan UNISEL, KUIS dan INPENS.

74. Kerjasama ini akan melibatkan program-program seperti i - HIT (*Internship High Impact Talent*). Melalui program ini, pelajar-pelajar yang sedang berkuliah di UNISEL, KUIS dan INPENS akan diberikan latihan semasa cuti semester. Latihan ini membolehkan mereka diberikan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri.

75. Kerajaan Negeri juga melihat beberapa peluang untuk bekerjasama dengan SHRDC bagi menghantar bakat-bakat yang berminat untuk dilatih oleh SHRDC dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh industri seperti industri *Oil & Gas*, merekabentuk kasut (*footwear*), semikonduktor, elektrik dan elektronik, teknologi ICT serta *equipment & machinery*.

76. Yang lebih utama lagi, Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti bahawa keperluan industri pada masa kini dan masa hadapan seperti industri *big data*, *medical devices* dan *advance robotic* juga memerlukan bilangan tenaga mahir yang amat besar. Maka itu, kolaborasi dalam menyediakan bakat - bakat dan kebolehan seperti ini akan dilaksanakan bersama SHRDC.

Tuan Speaker,

77. Kerajaan Negeri bersimpati terhadap nasib 446 peniaga di Kompleks *Uptown*, Seksyen 24 Shah Alam yang terlibat dalam kebakaran pada 15 Oktober lalu. Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM 3.5 juta bagi penyediaan tapak dan *Marquee Tent* sebagai tapak sementara peniaga-peniaga yang terlibat.

78. Bagi penyelesaian jangka sederhana dalam tempoh 2 tahun, Kerajaan Negeri melalui PKNS akan membina Kompleks Baru *Uptown* Seksyen 24 dengan anggaran kos sebanyak RM 18 juta. Reka bentuk kompleks ini akan mencerminkan ianya sebagai mercu tanda di Shah Alam yang memenuhi ciri-ciri keselamatan, keselesaan dan kemudahan moden untuk peniaga dan pengunjung.

79. Kerajaan Negeri juga menerima bantahan berhubung kenaikan kadar fi lesen perniagaan yang diluluskan pada tahun 2007 dan telah dikuatkuasakan pada tahun 2014. Bagi menjamin prinsip kepedulian kerajaan terhadap golongan peniaga terutamanya peniaga kecil, Kerajaan Negeri akan menyemak semula pelaksanaan kenaikan kadar fi lesen yang agak tinggi dan pembahagian kategori yang membebankan. Semakan ke atas 33 jenis perniagaan akan dibuat pada awal tahun 2015.

Strategi 4 : Pembangunan Kejiranan Hijau

80. Malapetaka yang berlaku di Cameron Highlands harus menjadi iktibar kepada pentadbiran di Negeri Selangor.

Firman Allah SWT dalam al-Quran :

Telah kelihatan kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf.

(Surah al-Rum : 41)

81. Justeru, Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan pembangunan Kejiranan Hijau demi menjamin kelestarian alam semulajadi dan juga usaha memulihara alam sekitar serta sumber dan warisan semulajadi di Negeri Selangor.

82. Untuk maksud itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta untuk memulakan inisiatif penyediaan laluan basikal yang mengambil kira aspek kebersambungan (*connectivity*), penyediaan laluan pejalan kaki yang boleh digunakan secara aktif termasuk bagi golongan orang kurang upaya (OKU), pembangunan kebun kejiranan yang melibatkan penyertaan persatuan penduduk, program pengkomposan sisa, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) dengan mewartakan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (Pindaan) 2011 supaya pemasangan SPAH dapat dikuatkuasakan melalui permohonan pelan pembangunan.

83. Saya mengucapkan tahniah kepada pengurusan bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah memulakan inisiatif ini. Kapasiti dan sistem tangki yang telah direkabentuk boleh menampung 100 meter padu air dan mampu menampung kegunaan seramai 1400 orang bagi tempoh satu-satu masa.

84. Kerajaan Negeri Selangor juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang menempa kejayaan di peringkat antarabangsa dengan merangkul Anugerah Emas dalam International Green Apple Awards 2014 di London pada 10 November 2014 di bawah tajuk *Promoting Environmental Best Practice - The Biomass Way*.

85. Untuk pelan jangka panjang, usaha pembangunan kejiranan hijau ini mensasarkan perubahan Negeri Selangor sebagai negeri rendah karbon serta persekitaran hidup yang sihat. Sebagai lanjutan, satu kempen proaktif yang melibatkan komuniti dan PBT boleh dilaksanakan segera untuk menanam pokok-pokok di setiap kawasan perumahan dan mengusahakan program tanaman semula hutan yang sudah rosak. Kerajaan Negeri yakin Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) boleh menjalin kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya dalam memberikan khidmat nasihat berkenaan spesies pokok yang sesuai bagi menjayakan usaha ini.

86. Kerajaan Negeri juga mendukung sepenuhnya usaha Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk menguruskan hutan simpan kekal dengan mengamalkan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Sebarang usaha yang boleh merosakkan flora dan fauna tidak akan diberikan kelulusan oleh pihak berkuasa negeri demi menjamin ekosistem dan memulihara hidupan hijau Negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk mengekalkan jumlah keluasan 70 hutan simpan kekal di Negeri Selangor dengan keluasan 250,129 hektar yang merupakan 31.54 % dari keluasan tanah Negeri Selangor.

87. Nilai kawasan tanah lembap dan hutan amat tinggi kepada manusia sejagat dan tidak boleh ditukar ganti dengan wang ringgit. Kawasan hutan gambut merupakan ekosistem yang terpenting bagi menangani perubahan iklim. Kita bersyukur kerana Malaysia dikurniakan dengan keluasan kawasan hutan gambut yang ketiga terbesar di dunia. Oleh demikian, kita perlu menghargai dan menjaga hutan simpan dan hutan gambut yang masih wujud sambil memulihara kawasan-kawasan yang telah dicerobohi.

Strategi 5 : Menjana Industri Budaya dan Intelektual

88. Kita melihat kegiatan ekonomi secara holistik, tidak terbatas kepada pengeluaran produk bersifat fizikal. Kerajaan Negeri beriltizam membangunkan negeri ini sebagai hub kesarjanaan dan pusat kecemerlangan ilmu dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan sains, teknologi dan inovasi serta penerbitan. Pengeluaran dan pemindahan ilmu, produk budaya, hiburan dan sukan juga kegiatan ekonomi yang mempunyai aspek transaksi kewangan. Selangor mahu merencanakan *soft sector* ini dengan terlibat secara langsung dalam program penterjemahan sebagai wahana pemindahan ilmu.

89. Gerakan penterjemahan ini adalah strategi keilmuan serta kebudayaan yang dilalui oleh tamadun Islam yang mencetuskan *The Baghdad Enlightenment* – Pencerahan Baghdad di abad ke-10. Kerajaan Negeri akan mencadangkan program penterjemahan karya antarabangsa dikawal selia oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Kerajaan Negeri juga mencadangkan insentif diberikan kepada bakal-bakal penterjemah yang bekerjasama dengan PPAS.

90. Ekonomi ilmu ini berkait rapat dengan budaya membaca. Kerajaan Negeri juga akan memberdayakan PPAS dari segi prasarana dan koleksi bahan bacaan yang merangsang pembacaan, keilmuan dan menjadi pemangkin kepada percambahan pemikiran rakyat yang progresif. Bagi maksud ini, Yayasan Raja Tun Uda telah ditubuhkan untuk mengumpul dana daripada sektor korporat dan menambah koleksi bahan bacaan.

91. Dalam hal berkaitan, Kerajaan Negeri juga ingin mencadangkan agar waktu operasi bagi perpustakaan ini dilanjutkan kepada jam 10 malam dan dijadikan tempat forum dan wacana yang bersifat pencerahan.

92. Selangor adalah negeri yang menghimpunkan karyawan dan seniman paling ramai berbanding negeri-negeri lain. Ringkasnya, Selangor ibarat 'rumah besar' bagi para seniman negara. Kerajaan Negeri berazam untuk menjadikan negeri ini, khususnya kota-kota seperti Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni'.

93. Sukan juga mempunyai dimensi ekonomi yang perlu dimajukan. Atas azam yang tinggi, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 17 juta bagi tahun 2015 untuk tujuan pembangunan atlet dan prasarana sukan. Ini termasuklah penubuhan Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor yang akan mengurus dan menyelenggara prasarana sukan seperti Stadium Shah Alam, Stadium Kota Raja, Klang dan Stadium Selayang.

Strategi 6 : Menyemarak Ekonomi Desa

Tuan Speaker, strategi yang terakhir, Menyemarak Ekonomi Desa.

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, boleh berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan Sebelas dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai ucapan Rang Undang-undang Perbekalan 2015”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul dipersetujui. Silakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker.

94. Perbahasan semasa berhubung jaminan bekalan makanan (*food security*) yang mencukupi, menuntut Selangor untuk mengambil langkah-langkah bagi

meningkatkan kemahiran warga peladang, penternak dan nelayan untuk menguasai kemahiran teknologi terkini dalam bidang pertanian dan hortikultur.

95. Negara Belanda yang bersaiz Negeri Pahang berjaya menjadi pengeluar makanan kedua terbesar di dunia ekoran kemahiran teknologi dan menguasai *global supply chain*. Potensi pertanian di Negeri Selangor amat besar sekiranya kita bersedia untuk menggunakan teknologi yang berinovasi dan menguasai kemahiran.

96. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri meningkatkan peruntukan untuk sektor pertanian kepada RM 14.47 juta berbanding hanya RM 10 juta bagi tahun 2014.

97. Untuk pembangunan masyarakat nelayan dan petani, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjayakan program-program ekonomi nelayan tradisi, pemasangan sistem ais, pemulihan kolam sangkar, 'Program Jom Bertani' dan elaun sara hidup nelayan darat yang semuanya berjumlah RM 15.3 juta.

98. Kerajaan Negeri berasa bangga kerana Anugerah Khas Perdana MAHA 2014 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dimenangi oleh seorang penternak wanita dari Kampung Telok Penyamun, Bestari Jaya, Kuala Selangor yang terlibat dalam industri penternakan lembu pedaging, kambing pedaging, ayam kampung, itik, pemprosesan baja kompos dan pembuatan silaj.

99. Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap keperluan pembangunan di kawasan luar bandar termasuk kawasan kampung tradisi terutamanya pembangunan infrastruktur dan sosial. Pelaksanaan pembangunan infrastruktur luar bandar ini merangkumi aspek pembaikan dan pembinaan baru kemudahan awam desa seperti balai raya dan kemudahan sukan manakala kemudahan asas desa seperti jalan, longkang dan perparitan.

100. Bagi menjamin kesejahteraan penduduk di luar bandar, saya mencadangkan sejumlah RM 12 juta pada tahun 2015; kenaikan sebanyak 300% berbanding tahun 2014 bagi tujuan menaiktaraf jalan-jalan luar bandar dan peruntukan sebanyak RM 4 juta dicadangkan bagi tujuan menaiktaraf kemudahan awam desa termasuk balai raya.

101. Kerajaan Negeri sangat menghargai peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Mereka adalah daya penggerak kepada program Kerajaan Negeri yang diadakan di kampung. Sebagai pengiktirafan peranan mereka memaju dan menjaga keselamatan kampung, maka Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan elaun Pengerusi JKKK bagi kampung tradisi dan kampung baru dari RM 800 sebulan kepada RM 900 sebulan. Seramai 446 Pengerusi JKKK akan menerima faedah ini berkuatkuasa 1 Januari 2015. Struktur

Ketua Komuniti Kaum India sedang diperkemaskan bagi dicadangkan imbuhan yang munasabah.

102. Peranan masjid sebagai institusi masyarakat telah banyak membantu pembentukan umat madani. Selama ini, para Imam menerima elaun sebanyak RM 750 sebulan. Memandangkan tugas Imam semakin mencabar untuk mengimarahkan masjid maka Kerajaan Negeri ingin turut menyumbang ke atas perkhidmatan mereka dengan memberi tambahan elaun sebanyak RM 100 sebulan mulai 1 Januari 2015. Seramai 700 orang Imam akan mendapat manfaat ini.

PENUTUP

103. Hari ini, genap 63 hari saya diberikan amanah. Dalam tempoh yang begitu singkat, dengan dukungan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), para pegawai serta anggota penjawat awam, kita telah berjaya menyelesaikan beberapa isu besar yang menghambat rakyat sekian lama. Kini, Negeri Selangor berubah wajah menjadi sebuah negeri yang bersih, rakyat yang harmoni, ekonomi yang berkualiti.

104. Dengan rasa tawadhu', saya mengakui bahawa kita tidak mempunyai jawapan kepada semua permasalahan. Akan tetapi, kita telah memberikan urutan keutamaan kepada setiap masalah yang timbul.

105. Pentadbiran ini lebih responsif dan '*hands on*' kepada permasalahan rakyat. Kami turun ke lapangan, kami terjun dan kami terjah demi menyantuni dan menyelami aspirasi rakyat.

106. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Pelan Tiga (3) Bulan Terakhir Tahun 2014 iaitu Program *Total Clean* PBT bagi memastikan semua masalah berkaitan kerja-kerja pembersihan awam dan sisa pepejal, sampah pukal, longkang tersumbat dan pokok-pokok di bahu jalan yang tidak diselenggara, diselesaikan segera untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

107. Isu kebersihan ini amat penting untuk menyelesaikan masalah - masalah yang membelenggu rakyat seperti demam denggi, banjir kilat dan aduan awam berkaitan sampah.

108. Untuk tempoh 3 bulan ini, dari Oktober sehingga Disember 2014, perbelanjaan peruntukan MARRIS dioptimakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan termasuk penurapan semula jalan, pembaikan dan pembersihan longkang, kerja - kerja pemotongan rumput / lanskap dan menyelenggara pokok - pokok di bahu jalan.

109. Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM 31.2 juta kepada PBT untuk memastikan kesemua inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan dan efisien dalam tempoh yang ditetapkan.

110. Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM 600 juta untuk memastikan kerja-kerja penyelenggaraan yang dibenarkan seperti Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dilaksanakan sepenuhnya dengan efisien dan bertanggungjawab. Kerajaan Negeri menggesa supaya PBT turut memberi penekanan terhadap penyelenggaraan jalan-jalan industri selain daripada pembaikan jalan di kawasan yang mempunyai tumpuan populasi penduduk yang tinggi.

111. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan peningkatan kes demam denggi di Negeri Selangor yang mencatatkan jumlah kes terkumpul sebanyak 44,957 kes setakat 15 November 2014 berbanding hanya 23,852 kes terkumpul bagi tahun 2013. Jumlah kematian juga mencatatkan angka penambahan sebanyak 28 kes dengan jumlah keseluruhan kes kematian sebanyak 66 kes dan sebanyak 92 *hotspot* lokaliti wabak denggi yang aktif dikenalpasti.

112. Kerajaan Negeri telah mengambil usaha untuk melancarkan kempen besar - besaran; Kempen Terjah dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 di semua daerah untuk menangani masalah demam denggi yang serius. Pada 16 November 2014, Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Gotong - Royong Mega di 120 buah kawasan yang dijalankan secara serentak. Usaha ini akan dipertingkatkan melalui program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan orang awam seperti penubuhan Denggi Action Community (DAC), Denggi Action Kids (DAK) serta kempen Bas Sekolah Tanpa Aedes (BATAS).

113. Kerajaan Negeri juga bertekad untuk menyelesaikan beberapa isu besar yang berpotensi menggugat kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Industri Perkhidmatan Air Kembali Kepada Rakyat

114. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 30 Oktober 2014 telah tidak bersetuju dan menolak permintaan dan syarat baru yang dikemukakan oleh Puncak Niaga Holding Berhad (PNHB) kepada Air Selangor. Kerajaan Negeri mendesak PNHB untuk menandatangani perjanjian pengambilalihan mengikut kaedah pembelian saham ekuiti PNHB di dalam PNSB (*purchase of equity*).

115. Antara syarat utama yang dicadangkan oleh PNHB dan ditolak oleh Kerajaan Negeri adalah pengambilalihan PNSB oleh Air Selangor dibuat menggunakan kaedah pembelian konsesi air (*purchase of water concession business*); penjualan berdasarkan 'as is, where is basis' dan keengganan PNHB untuk memberikan apa-apa waranti dan tanggungan ganti rugi; serta mengeneipkan

had RM 350 juta bagi pelepasan hutang di antara PNHB dan anak syarikatnya kepada Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.

116. Permintaan baru PNHB kepada Air Selangor, sekiranya dipersetujui, akan memudaratkan kepentingan Air Selangor khususnya dan rakyat Selangor amnya. Persetujuan kepada permintaan-permintaan PNHB juga akan meningkatkan kos pengambilalihan kepada Air Selangor yang pada akhirnya akan ditanggung oleh rakyat Selangor melalui tarif air yang lebih tinggi.

117. Setelah bertegas dengan pendirian untuk menolak permintaan saat akhir PNHB, Kerajaan Negeri berbesar hati mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor iaitu Air Selangor Sdn Bhd (“Air Selangor”) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Berhad (PNHB) seperti mana disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (“Perjanjian Induk”) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai di antara Kerajaan Selangor, Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

118. Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan dua syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) yang dimuktamadkan pada hari terakhir tempoh masa yang telah disyaratkan oleh Perjanjian Induk.

119. Dengan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset air akan kembali kepada rakyat yang membolehkan Kerajaan Negeri melalui Air Selangor mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB. Tumpuan utama akan diberikan kepada usaha mengurangkan kadar air tidak berhasil (*non - revenue water*) yang merugikan rakyat serta memastikan bekalan air mencukupi secara berterusan untuk rakyat Selangor. Kerajaan Negeri berhasrat meningkatkan kecekapan perkhidmatan air yang lebih mesra rakyat dan responsif kepada pengguna di seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

120. Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

121. Walaupun beberapa perkara utama seperti kos dan terma pengambilalihan 4 syarikat konsesi (PNSB, SYABAS, ABASS dan SPLASH) telah diputuskan sebelum saya menjawat amanah sebagai Dato’ Menteri Besar Selangor, saya yakin ada ruang-ruang yang perlu digunakan sepenuhnya oleh pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat Selangor secara menyeluruh.

122. Ruang - ruang ini termasuklah memastikan pembinaan Projek Langat 2 (baik dari segi kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan) di nilai secara objektif oleh

wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur-unsur pembaziran yang kelak akan membebankan rakyat.

123. Saya yakin dengan amalan keterbukaan dan ketelusan yang dititikberatkan oleh pentadbiran baru dalam proses penstrukturan air, Kerajaan Negeri akan berjaya mencapai persetujuan dengan semua pihak yang terbabit untuk menyempurnakan penstrukturan air dalam tempoh terdekat.

Toleransi Agama : Rahmat Untuk Semua

124. Kita menyedari suasana harmoni di kalangan rakyat, semangat toleransi dan saling hormat menghormati adalah penting untuk kesinambungan kemajuan Selangor. Justeru itu, isu rampasan Al-Kitab yang menjadi kontroversi sehingga mengundang prasangka dan keharmonian antara agama telah diselesaikan dengan kesemua 351 Al-Kitab yang mengandungi perkataan 'Allah' dipulangkan pada 14 November 2014 kepada Association of Churches in Sarawak (ACS) melalui Pengerusi ACS, Most Revd Archbishop Datuk Bolly Lapok.

125. Kerajaan Negeri menjunjung kasih ke atas DYMM Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam atas pandangan jauh dan inisiatif Baginda dalam merundingkan dengan pelbagai pihak untuk kaedah terbaik bagi menyelesaikan masalah ini.

126. Pentadbiran ini akan mengusahakan pelbagai cara untuk menambahbaik dan memupuk persefahaman kaum dan toleransi antara agama di Selangor. Semua pihak perlu menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi negeri ini dan hak mengamalkan agama masing-masing sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri ingin menegaskan sentimen pelampau (*extremism*), provokasi kaum dan fanatik agama tidak mempunyai tempat dalam pentadbiran Negeri Selangor.

127. Islam adalah *rahmatan lil alamin* - rahmat untuk semua manusia. Negeri Selangor adalah teladan dalam mendukung pendekatan kesederhanaan dan keadilan sekaligus mencipta lingkungan masyarakat harmonis supaya pembangunan lebih kondusif bagi merangsang kegiatan ekonomi.

Sistem Pengangkutan Yang Mesra Rakyat

128. Kerajaan Negeri prihatin dengan kegelisahan penduduk yang terlibat dalam projek Lebuhraya KIDEX. Sebagai sebuah negeri pembangunan, kita tidak menolak pembinaan lebuhraya. Namun, Kerajaan Persekutuan juga perlu terbuka kepada cadangan-cadangan lain yang boleh meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam.

129. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa pembinaan lebuh raya dalam Negeri Selangor perlulah bermanfaat bukan sahaja kepada pengguna lebuh raya tetapi juga dinikmati oleh penduduk di mana lebuh raya itu dibina. Justeru itu, pihak konsesi KIDEX perlu memenuhi syarat-syarat berikut :

- Menyediakan Penilaian Impak Lalulintas (*Traffic Impact Assessment*) yang bebas, Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*). Kajian-kajian ini perlu membuktikan manfaat yang ternyata kepada pihak pengguna dan penduduk kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat pembinaan lebuh raya tersebut.
- Mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk segala kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberikan anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan kepada pelaburan (*rate of return to investment*).
- Mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar kerajaan Pakatan Rakyat yang menegaskan ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Semakan Semula Gaji Anggota Pentadbiran

130. Kerajaan Negeri memutuskan untuk menyemak semula kenaikan gaji yang diterima oleh Menteri Besar, Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2014 akan dibentangkan dalam sesi kali ini dan sekiranya diluluskan, ianya akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015.

Semakan Peruntukan Ahli Dewan Negeri

131. Peruntukan Ahli Dewan Negeri bagi tujuan Program Mesra Rakyat telah disemak semula untuk meningkatkan khidmat wakil rakyat kepada rakyat dan menjamin prinsip demokrasi. Maka, saya mencadangkan peruntukan Ahli Dewan Negeri Kerajaan ditingkatkan sebanyak RM100,000 menjadi RM 700,000 setahun. Mulai tahun 2015, peruntukan Ahli Dewan Negeri akan turut dipanjangkan kepada Ahli Dewan Negeri Pembangkang dengan peruntukan sejumlah RM200,000 setahun. Kerajaan Negeri juga mencadangkan sejumlah RM100,000 setahun diperuntukkan kepada Penyelaras Parlimen yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Menghargai Penjawat Awam

132. Kerajaan Negeri menghargai sumbangan penjawat awam. Sebuah kerajaan yang efisien dan kuat adalah hasil daripada sinergi dan pemberdayaan pentadbiran awam. Pentadbiran sekarang akan mempertahankan hak dan maruah para penjawat awam di Negeri Selangor.

133. Atas sumbangan mereka melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri secara profesional dan berintegriti, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan bonus satu bulan setengah gaji. Pembayaran bonus sebulan gaji telah dibuat pada bulan Julai tahun ini. Pembayaran bonus seterusnya akan dibuat pada 18 Disember 2014 untuk membantu penjawat awam membuat persediaan untuk persekolahan anak-anak.

134. Pentadbiran hari ini bersifat progresif, *non discriminatory* dan inklusif. Oleh itu saya dengan bangganya mengumumkan perlantikan Pegawai Daerah wanita yang pertama di Negeri Selangor, sebagai Pegawai Daerah Sepang. Sepang merupakan antara daerah yang paling pesat dari aspek pembangunan.

Pejabat Integriti Selangor

135. Kerajaan Negeri berikrar untuk melaksanakan pentadbiran yang mengamalkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, berintegriti dan tadbir urus yang baik. Untuk maksud itu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Swadaya Masyarakat atau NGO sebagai rakan kongsi, bukan sebagai musuh dalam sistem demokrasi untuk mencapai kecemerlangan dalam urus tadbir.

136. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pejabat Integriti Selangor dan juga menyambut baik cadangan daripada NGO supaya diwujudkan Pegawai Pejabat Hisbah (*Ombudsman*) yang bertugas untuk menyiasat aduan awam selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang berpegang kepada prinsip pentadbiran yang bersih dan berintegriti

Mendepani Cabaran Serantau

137. Sebagai negeri termaju dan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, Selangor perlu peka dengan setiap perkembangan di rantau ini. Tahun hadapan, kita akan memasuki era ASEAN Economic Community (AEC 2015) yang membawa pelbagai cabaran dan peluang baru. Dianggarkan kuasa ekonomi ASEAN berjumlah USD 3 trilion. Ekonomi Selangor perlu bersedia untuk mempersiapkan diri dan menyertai ekonomi serantau secara positif dan kreatif. Selangor sewajarnya menjadi pemimpin dan pengemudi ekonomi Malaysia diintegrasikan sepenuhnya dengan ekonomi ASEAN. Bermula sekarang, kita perlu melebarkan ufuk pandangan

untuk menggarap dan merangkul keserantauan dalam pandangan ekonomi dan kebudayaan.

138. Negeri Selangor ibarat permata dalam mahkota. Permata tersebut semakin bergemerlapan di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Maka tidak menghairankan Barisan Nasional menggunakan segala helah, membuat makar dan tipu daya untuk merampas permata tersebut. Alhamdulillah, kebijaksanaan Pakatan Rakyat dan integriti pemimpin-pemimpin berjaya menghidu dan mengelakkan diri daripada jerangkap samar.

139. Keutamaan bagi kita adalah bekerja. Bekerja dan bekerja. Kita semua akan memerah keringat, berdedikasi untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Pembangunan yang bernafaskan semangat kepedulian rakyat.

Atas Bukit Melawati,
Meriam besi hala ke laut,
Keringat jatuh dalam negeri,
Bersama rakyat kita bertaut.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(ii) sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan untuk kali yang kedua perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang dari satu jam. Oleh itu perbahasan ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 25 November 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan di tangguhkan pada jam 1.30 tengah hari)